

Jilid II  
Bil. 31



Hari Khamis  
11hb Oktober, 1984

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 4549]

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT**  
18:

**Pondok Setinggalan Kampung Bercham, Ipoh [Ruangan 4587]**

**USUL-USUL:**

**Pondok Setinggalan Kampung Bercham, Ipoh [Ruangan 4636]**

**Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 4662]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan)**  
[Ruangan 4594]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M., TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K., (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kelapa Batas).

Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (JELEBU).

- „ MENTERI BURUH, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULEIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL ALIAS MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N. P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SARBAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,  
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.  
(Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.  
(Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN,  
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P.,  
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,  
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.  
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.  
(Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,  
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik  
Pulau).

Yang Berhormat TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahaya Manap.

Penyunting: P.B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidek.

### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramasamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

Khamis, 11hb Oktober 1984

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**KAMPUCHEA—PENGERUSI  
PERHIMPUNAN ANTARABANGSA**

**1. Tuan V. Govindaraj:** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil perbincangan beliau dengan Pengerusi Perhimpunan Antarabangsa Kampuchea (ICK) Mr Willibald Pahar, serta:

- (a) menyatakan berapakah jumlah pelarian Vietnam yang masih ada di negara kita;
- (b) apakah tindakan serta langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan berkenaan dengan kedudukan mereka; dan
- (c) adakah pihak Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan bagi memberikan taraf kediaman tetap (PR) di negara kita, atas dasar perikemanusiaan-perikemanusiaan serta disebabkan masa depan mereka.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, soalan

Ahli Yang Berhormat ini menyentuh dua perkara yang sebenarnya merupakan tajuk-tajuk berasingan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Encik Willibald Pahar ialah Pengerusi Persidangan antarabangsa mengenai Kampuchea (ICK) iaitu persidangan yang ditaja oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mencari penyelesaian politik dalam masalah Kampuchea.

Masalah pendatang haram Vietnam pula pada peringkat antarabangsa adalah tanggungjawab Suruhanjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu untuk orang-orang pelarian di mana Encik Paul Hartling menjadi Pesuruhjaya Tingginya. Namun demikian saya akan menjawab kedua-dua aspek soalan Ahli Yang Berhormat ini.

Dalam pertemuan Menteri Luar dengan Encik Willibald Pahar, Pengerusi Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea, mereka telah bertukar-tukar fikiran mengenai masalah Kampuchea dan berbagai-bagai perkembangan mengenai isu tersebut.

Encik Willibald Pahar telah juga mengemukakan suatu cadangan supaya kuil Angkor Wat yang mana juga menjadi salah satu kemegahan tamaddun dunia dapat diperbaiki semula dan dipelihara terus-menerus. Di samping itu pemulihan simbul keagungan tamaddun Khmer ini diharapkan boleh mendorong ke arah terbentuknya national reconciliation, dengan izin, di antara pihak-pihak yang bersengketa di Kampuchea.

Pihak kita telah menyambut baik cadangan ini dan menyatakan pendapat kita bahawa untuk melaksanakan cadangan tersebut ianya memerlukan supaya Angkor Wat dan pesekitarannya dijadikan suatu kawasan terbuka (open city), bebas dari pertempuran-pertempuran senjata. Ini merupakan langkah yang secukupnya dengan usaha-usaha untuk mencari penyelesaian politik di Kampuchea. Pihak kita telah menasihati Encik Pahar supaya meninjau buah fikiran Menteri-menteri Luar ASEAN yang lain.

Butir-butir mengenai masalah pendatang haram Vietnam pula adalah seperti berikut:

- (a) jumlah pendatang haram Vietnam yang masih ada di Malaysia pada 30-9-84 ialah 9,402 orang.
- (b) kedudukan mereka di sini tidak berubah, mereka hanya diizinkan tinggal sementara sebelum di pindahkan ke negara-negara Ketiga. Usaha-usaha pemindahan ini terus dijalankan dalam tahun 1984 ini dan di dalam tahun 1984 ini di antara 500-1,000 orang telah dipindahkan setiap bulan.
- (c) Kerajaan tidak mempunyai sebarang rancangan untuk memberi taraf kediaman tetap kepada mereka.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan memberi-membri sedikit penjelasan tentang sambutan yang diberi oleh negara-negara Ketiga dalam menempatkan pelarian Vietnam ke negara-negara mereka. Dan di samping ini bolehkah Yang Berhormat timbalan Menteri juga memberi sedikit angka tentang berapa bilangan pelarian Vietnam yang telah ditempatkan semula di negara-negara Ketiga ini.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita terdapat masalah dengan negara-negara Ketiga dari semasa ke semasa, tetapi pada keseluruhannya saya rasa kita tidaklah mempunyai masalah besar dengan kesanggupan negara-negara Ketiga untuk menerima pelarian-pelarian ini.

Saya minta maaf tidak ada angka yang tepat mengenai jumlah pendatang haram yang telah ditempatkan di negara-negara Ketiga, tetapi kalau saya sebutkan angka 200,000, saya rasa tidaklah terlampau jauh.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai ICK ini, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu semenjak Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea ini diwujudkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu, saya ingin tahu berapa kalilah ianya bersidang dan apakah perkara-perkara yang penting, yang dibincangkan dan apakah kemajuan-kemajuan yang dicapai setakat ini dan seterusnya, apakah masalah-masalah yang merumitkan mengenai ICK ini?

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, ICK ini hanya bersidang sekali sahaja sejak ianya ditubuhkan. Namun demikian, kita memang mempunyai suatu badan tetap iaitu *ad-hoc* Committee (ICK, ini yang bertempat di New York, di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang bersidang sepanjang masa apabila diperlu untuk mencari jalan supaya segala ketetapan yang diputuskan dalam Persidangan Antarabangsa yang pertama itu dapat dilaksanakan. Usaha ini adalah satu usaha yang berterusan dan mereka juga bersidang dari semasa ke semasa apabila dirasakan perlu.

Setakat ini memanglah kemajuan ICK ataupun Badan Jawatankuasa *ad-hoc* ini tidak begitu maju khususnya memandangkan sikap Vietnam itu sendiri.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan pendatang haram, saya suka hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada suatu masa dahulu di kemuncak kedatangan pendatang haram terdapat pada suatu ketika 160,000 lebih kurang pendatang haram di Malaysia ditempatkan di Pulau Bidong. Kemudian usaha-usaha telah dijalankan untuk menempatkan mereka di negara-negara ketiga sehingga pada masa ini tinggalnya hanya lebih kurang 9,402 sebagaimana dikatakan.

Pokoknya mengapakah pada suatu masa dahulu kita begitu berjaya menempatkan mereka ini di negara-negara ketiga tetapi setelah tinggal bakinya sedikit sahaja seramai 9,400 orang keadaannya nampaknya tidak berubah. adakah ini menggambarkan kita menghadapi apa-apa masalah ataupun ada pihak-pihak tertentu yang suka melihat bahawa masalah itu tidak dapat diselesaikan supaya Malaysia ini terus digunakan sebagai pusat penempatan sementara pendatang-pendatang haram.

Kedua, saya hendak bertanya siapakah yang membina Pusat Latihan Teknikal di Pulau Bidong sekarang ini dan apakah sebabnya.

Ketiga, adakah terdapat pelarian-pelarian Vietnam yang menghilangkan diri dan tidak dapat dikesan.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, 9,000 yang baki lebih kurang yang saya sebutkan tadi adalah merupakan pendatang-pendatang haram baru. Sungguhpun pada kemuncaknya kita dapati lebih kurang 100,000 lebih

pendatang haram tetapi boleh kita hampir semua mereka ini sudah dipindahkan ke negara-negara ketiga. Tetapi kita sepanjang masa hitung panjang antara 500 ke 1,000 orang pendatang haram mendarat di Malaysia tiap-tiap bulan dan begitu juga angka yang biasanya ditempatkan semula ke negara ketiga. Jadi, hampir kesemua mereka ini adalah pendatang haram.

Mengenai sekolah teknikal yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya tidaklah mempunyai butir-butir yang lengkap pada masa ini. Namun demikian, saya rasakan mungkin ini adalah berkait dengan berapa pendatang haram yang tidak langsung mempunyai kemahiran dan oleh sebab kebanyakan negara-negara ketiga itu memilih orang-orang yang mempunyai sesuatu kemahiran untuk diambil ke negara mereka, mungkin saya rasa dengan adanya sekolah teknikal ini, ini akan dapat membantu usaha kita untuk mempercepatkan penempatan semula orang-orang ini.

Ketiga, kalau dapat diulangkan semula soalan itu.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Pendatang haram yang menghilangkan diri dan tidak dapat dikesan, adakah terdapat?

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat tersebut tetapi setahu saya tidak ada bukti-bukti pendatang haram yang telah pun menghilangkan diri.

## MAS—HAK PENERBANGAN KELIMA KE LONDON

2. Dato' Lee Boon Peng minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh manakah perundingan dengan pihak berkuasa British mengenai hak penerbangan kelima ke London yang

telah dibuat untuk mendapatkan penerbangan tambahan ke London. Dan adakah Malaysia mungkin akan mengambil langkah-langkah balas jika sistem Penerbangan Malaysia tidak diberi haknya.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pegawai-pegawai Malaysia dan British termasuk wakil-wakil Sistem Penerbangan Malaysia dan British Airways telah pun mengadakan dua rundingan rasmi untuk menimbangkan permintaan kita mendapatkan penerbangan kali yang kelima dalam seminggu ke London. Rundingan-rundingan pada bulan Januari dan Mei tahun ini telah diadakan dalam Konteks perjanjian Perkhidmatan Udara di antara kedua-dua Kerajaan. Walau bagaimanapun, rundingan-rundingan berkenaan tidak mendatangkan hasil memandangkan pihak British enggan menerima perangkaan-perangkaan kita mengenai bilangan penumpang-penumpang yang diangkut oleh pesawat kita dari Kuala Lumpur ke London dan sebaliknya. Mereka menyatakan bahawa angka-angka tersebut tidak memadai bagi menyokong tambahan satu lagi penerbangan kepada empat penerbangan seminggu yang sedia ada seperti yang telah dibenarkan kepada MAS.

Sungguhpun demikian, kita akan meneruskan rundingan-rundingan terhadap perkara ini dengan harapan bahawa isu ini akan dapat diselesaikan dengan sebaik-baiknya. Saya juga sedang berhubung dengan Menteri Pengangkutan British mengenai soal ini. Saya percaya lebih elok kita meneruskan tindakan secara ini daripada menimbangkan langkah-langkah lain supaya tidak menjejaskan keputusan perbincangan kita di peringkat ini.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah pihak MAS untuk menuntut mendapat penerbangan kelima ke London telah dibenarkan berterusan begitu lama tanpa mencapai apa-apa penyelesaian dan memandang kepada jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi, suka saya bertanya sama ada pihak Kerajaan Malaysia bercadang untuk membawa perkara ini ke peringkat atasan. Maksud saya ialah sama ada Kerajaan bercadang untuk menggunakan jasa baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk berhubung dengan Perdana Menteri British supaya dapat berbincang dan mencapai suatu penyelesaian terhadap perkara ini.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, masalah ini memang disedari oleh kedua-dua buah Kerajaan dan saya percaya bahawa jikalau mustahak perhubungan terus di antara kedua ataupun Perdana Menteri kita dan Perdana Menteri British, boleh dilakukan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah angka-angka yang telah dikemukakan kepada pihak British yang tidak diterima dan dengan angka-angka seperti ini bolehkah ini dibawa kepada Puan Margaret Thatcher untuk dipertimbangkan.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya terangkan tadi saya sedang berhubung dengan Menteri Pengangkutan British tentang masalah ini dan perangkaan-perangkaan yang disebutkan ada diperolehi oleh pihak British. Apabila saya dapat bincangkan perkara ini dengan Secretary of State for Transport, Britain pada bulan Julai ini, beliau sudah mengakui bahawa angka-angka itu adalah di dalam perhatian Kerajaan British juga.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah benar berita-berita yang mengatakan gagalnya perundingan MAS untuk mendapatkan penerbangan kelima ke London itu kerana adanya sabotaj daripada pihak Syarikat Penerbangan Singapura (SIA) dengan British Airways.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, ini ialah berita-berita yang disiarkan dalam beberapa sumber tetapi apa yang kami mengetahui ialah British Airways ada juga penerbangan ke Singapura dan pihak Singapore Airlines (SIA) pun ada juga penerbangan ke London. Itu sahaja yang saya boleh beritahu.

#### LAPORAN TAHUNAN/PENYATA KIRA-KIRA BADAN BERKANUN

**3. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan laporan mengapakah tahunan dan penyata kira-kira bagi setengah badan berkanun lambat dibentangkan di Parlimen kadangkala sampai lebih lima tahun masih belum dibentangkan lagi dan apakah tindakan yang diambil supaya perkara seperti ini tidak berlaku.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Perusahaan Awam ini hanya bertanggungjawab ke atas sebahagian kecil badan-badan berkanun. Ada sebanyak 18 buah badan-badan berkanun di bawah Kementerian Perusahaan Awam iaitu: 13 Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), 3 Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri iaitu

PKPN Selangor, PKPN Perak dan PKPN Pahang. Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri (PKPN) adalah ditubuhkan di bawah enakmen Kerajaan Negeri masing-masing tertakluk kepada Akta Pembedanaan (Pindaan) 1981. Mengikut kuatkuasa Akta Pembedanaan ini, laporan aktiviti dan akaun tahunan PKEN dan PKPN adalah dikehendaki dibentangkan di Dewan Undangan Negeri masing-masing.

Laporan tahunan dan penyata kira-kira bagi UDA dan LPN untuk tahun-tahun 1980 hingga 1983 telah dapat disediakan dalam masa yang ditentukan misalnya laporan tahunan dan penyata kira-kira UDA bagi tahun 1983 telah dikemukakan kepada pihak Juru Odit Negara pada 30-6-1984 dan LPN pula telah dihantar kepada pihak yang sama pada bulan Mei 1984.

Sebaik-baik sahaja laporan tahunan dan penyata kira-kira ini disahkan oleh Juru Audit Negara, pihak Kementerian akan mengemukakannya kepada Jemaah Menteri bagi mendapatkan persetujuan membentangkannya pula ke persidangan Parlimen. Kementerian Perusahaan Awam adalah dari semasa mengambil tindakan mengarah pihak UDA dan LPN menyediakan penyata Laporan tahunan mereka dengan seberapa segera dan juga mengikut perkembangan setiap masa.

#### MAJLIS PERUBATAN UMUM BRITISH—PENGIKTIRAFAN

**4. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri pelajaran menyatakan sama ada Universiti Malaya akan mematuhi dengan keperluan-keperluan Majlis Perubatan Umum British (British

General Medical Council) berkait dengan kurikulum kursus ijazah perubatan atau hilang pengiktirafan GMC akan ijazah perubatan Universiti Malaya.

15-10-84.

**13. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk menjamin pengiktirafan oleh General Medical Council (GMC) terhadap ijazah perubatan dari Universiti Malaya pada masa jangka panjang; jika ia, apakah tindakan yang telah dan akan diambil. Berkaitan dengan ulasan oleh pihak GMC mengenai perbezaan dalam taraf di antara pelajar dari aliran STPM dan aliran yang lain adakah pihak GMC merujuk kepada aliran asasi sains. Apakah langkah yang akan diambil untuk mempertingkatkan mutu aliran tersebut.

26-10-84.

**13. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa Majlis Perubatan Am Britain (General Medical Council of Britain) yang berpengaruh itu tidak bersetuju dengan kurikulum yang disediakan bagi ijazah perubatan Universiti Malaya sehinggakan ia sedang menimbang untuk menarik balik pengiktirafan ijazah perubatan Universiti Malaya itu; dan
- (b) sama ada penarikan balik pengiktirafan sedemikian akan memberi kesan kepada graduan-graduan perubatan kita dalam permohonan mereka untuk mendapat latihan kepakaran di Britain yang mengikut tradisi tempat bagi kepakaran perubatan bagi doktor-doktor kita.

14-11-84.

**9. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada sekolah perubatan Universiti Malaya masih terus diiktirafkan oleh Majlis Umum Perubatan British, dan sama ada pengiktirafan seumpama itu adalah bersyarat atau tidak bersyarat.

20-11-84.

**1. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada benar General Medical Council of Britain mungkin tidak akan mengiktiraf ijazah perubatan Universiti Malaya pada tahun 1985 dan apakah sebab-sebabnya,
- (b) apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk mengekalkan pengiktirafan GMC; dan
- (c) apakah sebab-sebab utama ijazah perubatan UKM langsung tidak diiktiraf oleh GMC dan sama ada UKM akan berusaha ke arah mendapatkan pengiktirafan GMC.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini dan izinkan saya menjawab soalan ini bersamaan dengan soalan dari Wakil Kepong pada 15 haribulan, Wakil dari Ipoh pada 26 haribulan, Wakil dari Seremban pada 14hb November, Wakil dari Bukit Mertajam pada 20hb November 1984.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Terima kasih. Saya ingin menjawab demikian oleh kerana perkara-perkara yang dibangkitkan atau perkara pengiktirafan oleh General Medical Council (GMC) terhadap ijazah perubatan dari

Universiti Malaya. Saya ingin mengumumkan General Medical Council (GMC) of Britain telah bersetuju meneruskan pengiktirafan ijazah MBBS Universiti Malaya sehingga tahun 1987, oleh itu adalah tidak benar bahawa General Medical Council of Britain tidak akan mengiktiraf ijazah MBBS Universiti Malaya pada tahun 1985. Lagipun, adalah tidak benar bahawa GMC of Britain sedang menimbang untuk menarik balik pengiktirafan ijazah MBBS Universiti Malaya atas sebab ia tidak bersetuju dengan kurikulum yang disediakan bagi kursus perubatan.

Apa yang berlaku ialah satu cadangan telah dibuat meminta Fakulti Perubatan mengkaji semula kurikulum bagi seluruh kursus perubatannya. Fakulti tersebut telahpun mula membuat pengkajian semula ke atas kurikulumnya. Pengkajian ini dijangka akan siap dalam tempoh 2½ tahun dari sekarang.

Universiti Malaya juga sedang melaksanakan cadangan-cadangan yang diperakukan oleh GMC. Langkah-langkah yang sedang diambil untuk memenuhi keperluan-keperluan GMC adalah termasuk yang berikut:

- (a) mengkaji semua kurikulum bagi seluruh kursus perubatan dan menubuhkan satu Jawatankuasa Petugas untuk maksud ini;
- (b) menubuhkan satu Jawatankuasa Kurikulum Tetap satu masa kelak selepas kajian semula kurikulum selesai;
- (c) pihak Senate Universiti akan mengkaji masalah-masalah berkaitan dengan staff pengajaran bagi kursus tersebut;
- (d) pihak Senate Universiti akan mengkaji cara dan langkah yang akan diambil untuk memastikan

bahawa siswa universiti mempunyai taraf kecekapan dalam Bahasa Inggeris yang mencukupi;

- (e) Fakulti Perubatan masih membuat persediaan untuk menambah bilangan katil-katil hospital bagi maksud pengajaran "clinical"; dan
- (f) Fakulti Perubatan masih mengkaji semula tempat-tempat yang digunakan oleh doktor pelatih supaya memastikan bahawa tempat-tempat adalah memuaskan untuk maksud tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan yang ada kaitan dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), saya ingin menyatakan sebab-sebab utama Ijazah Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) langsung tidak diiktirafkan oleh GMC yang mana dibangkitkan, ingin saya memaklumkan bahawa pihak UKM tidak pernah memohon pengiktirafan ijazah perubatannya dari pihak GMC. Walau bagaimanapun, Ijazah perubatan UKM telahpun diberi, dengan izin, limited registration dengan pihak GMC. Dengan adanya limited registration ini siswa-siswa Fakulti Perubatan Universiti berkenaan boleh mendaftar untuk mengikuti kursus-kursus kepakaran di Great Britain. Pihak UKM berpendapat bahawa pengiktirafan penuh oleh GMC ke atas ijazah tersebut tidak diperlukan. Pengiktirafan penuh oleh pihak GMC hanya diperlukan sekiranya pemegang-pemegang Ijazah Perubatan dari universiti berkenaan hendak menjalankan praktis mereka di United Kingdom.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, sebagaimana yang kita tahu bahawa

Fakulti Perubatan di Universiti Malaya ini telah ditubuhkan begitu lama sekali mengapa sekarang ini baru timbul yang mereka itu tidak setuju tentang kurikulum yang ada di universiti tersebut.

Yang kedua, pengalaman perubatan ini berlainan di negara kita daripada negara-negara lain-lain di Britain sendiri. Jadi, apakah perlunya kita mendapat akuan daripada GMC ini kalau kelulusan doktor itu penting untuk keperluan bagi negara kita sahaja kerana kita tidak perlu mendapat pengiktirafan, tetapi kita perlu memandangkan perkhidmatan perubatan bagi negara kita.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, daripada mula kita menubuhkan fakulti ini di Universiti Malaya kita mempunyai hubungan tradisi dengan pihak GMC. Jadi akhir-akhir ini oleh kerana ada perkara-perkara kepentingan kita sendiri di Universiti Malaya mengikut kehendak-kehendak kita di negara kita, sudah tentulah ada terdapat perubahan yang mana dari pemikiran GMC tidak dapat dipersetujui. Walau bagaimanapun, dari pihak GMC hanya mengeluarkan syor-syor, cadangan, sama ada kalau kita hendak mengikut syarat-syarat yang dikenakan. Sekiranya kita hendak menghantar pelajar-pelajar kita meneruskan mengambil pengiktirafan di England, ianya perlu disesuaikan, ini sahaja. Sebenarnya tidak ada tekanan oleh GMC kerana seperti yang saya sebutkan tadi pandangan daripada GMC ini merupakan syor yang secara prinsipnya sudah diterima oleh Universiti Malaya. Ini merupakan syor yang tidak semestinya kita menerima. Saya ingin mengatakan di sini secara kebetulan syor GMC yang dibuat ini diterima secara prinsip oleh Universiti Malaya.

Mengerai keadaan negara yang berlainan, memang saya bersetuju

dengan Ahli Yang Berhormat dan saya telah memberi contoh umpamanya bagi kita menjalankan kursus perubatan di UKM kita tidak mengambil kira sangat pandangan daripada GMC. Ini lebih kurang menjawab apa yang ditanya oleh Yang Berhormat mengenai kenapa kita hendak sangat terikat dengan pihak GMC.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kemerosotan mutu akademik Fakulti Perubatan Universiti Malaya yang diakibatkan daripada faktor-faktor yang termasuk perletakan jawatan pensyarah-pensyarah yang ada pengalaman daripada fakulti, moral yang sangat rendah dan juga Teaching Hospital, Universiti Malaya di mana sudah menjadi satu hospital yang sudah jatuh daripada prestige dahulu, sekarang satu universiti yang sangat, dengan izin, sorry state of affairs akan mengancam pengiktirafan GMC terhadap Ijazah-ijazah Perubatan dan apakah tindakan akan diambil untuk mengatasi semua masalah ini?

Yang kedua, bukankah benar bahawa UKM tidak memohon pengiktirafan GMC untuk Ijazah-ijazah Perubatan Fakultinya oleh kerana UKM tahu bahawa permohonannya akan ditolak dan sebab itu UKM sangat gembira boleh dapat limited registration, tetapi kenapa tidak mahu mendapat unlimited registration?

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang kedua dahulu mengenai UKM. Saya sudah katakan tadi UKM sendiri memandangkan tak perlu untuk mendapat pengiktirafan daripada GMC dan saya telah jelaskan tadi di dalam jawapan saya. Keadaan ini masih lagi benar oleh kerana seperti yang dikatakan adalah tidak

dihasarkan bahawa mereka yang lulus daripada UKM ini hendak mempraktis di England.

Bagi soalan yang pertama mengenai terdapatnya perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya sedikit sebanyak memang mengatakan ada kebenarannya, umpamanya dari segi staff shortage, keluaran pakar-pakar daripada fakulti, masalah katil yang tidak cukup, masalah yang dihadapi oleh Hospital Universiti, ini semua sudahpun menjadi pengetahuan umum dan pihak Kerajaan telahpun mengarahkan pihak universiti mengambil langkah-langkah yang tertentu seperti yang saya katakan tadi.

Dari segi masalah kekurangan katil umpamanya, kita telah merancangkan supaya apabila siapnya Hospital Kelang, penambahan katil sebanyak 800 lagi akan boleh dijadikan sebagai tempat untuk mendapat latihan.

Mengenai kekurangan doktor-doktor yang hendak mengajar, ini juga sedang dilihat dan dikajikan dan mengenai Lembaga Universiti Hospital sendiri seperti yang telah diumumkan, Lembaga itu sendiri telah digubal semula dengan adanya satu Pengerusi baru yang dilantik. Antara langkah-langkah yang saya telah nyatakan tadi sudah tentulah sambil kita mengenal masalah-masalah yang timbul, Kerajaan melalui Universiti Malaya telah juga mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan yang ada.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Ahli Yang Berhormat mengakui bahawa kerana kelemahan-kelemahan yang ada terdapat yang disebutkan tadi menyebabkan syor-syor daripada GMC ini dibuat dan bolehkah Kerajaan memberi jaminan bahawa syor-syor ini akan dipenuhi supaya pengiktirafan ini tidak ditarik balik?

Dan yang keduanya mengenai UKM, bolehkah Ahli Yang Berhormat menjawab bahawa kepentingan graduan-graduan daripada UKM ini boleh dipelihara jika UKM memohon untuk mendapat pengiktirafan yang sepenuhnya?

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama tadi kalau saya kata pun kita tidak akui pula kelemahan-kelemahan yang ada dan sudah menjadi pengetahuan umum, itulah sebabnya kita telah mengambil langkah-langkah untuk membetulnya. Jadi saya yakin bahawa hasil daripada kerja-kerja, tindakan-tindakan yang kita ambil termasuk penubuhan sebuah Jawatankuasa Petugas oleh Universiti Malaya untuk mengatasi masalah-masalah ini kita akan menepati cadangan-cadangan yang diperlukan oleh pihak GMC dan dengan itu memulihkan semula pengiktirafan ijazah daripada Universiti Malaya sekiranya diragukan, tetapi setakat ini—ini saya ingin meyakinkan kepada Ahli Yang Berhormat—sehingga tahun 1987 kita tidak mempunyai masalah.

Mengenai UKM tadi, seperti yang saya katakan sekali lagi kita tidak perlu pengiktirafan daripada pihak GMC. Jadi kalau kita memerlukan pengiktirafan daripada badan ini dan kita tahu pelajar-pelajar ini akan mengamalkan latihan-latihannya di negara kita, saya yakin di atas syarat-syarat, di atas kurikulum yang kita buat ini, segala kehendak-kehendak untuk menjadi para doktor di negara kita sendiri ini akan dipenuhi dan dengan itu sudah tentulah akan mengekalkan kedudukan ataupun taraf ataupun status doktor-doktor kita yang keluar daripada UKM.

#### **KURIKULUM AGAMA ISLAM DI SEKOLAH RENDAH**

**5. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop** Majlis minta Menteri Pelajaran menerangkan penekanan yang

menjadi tumpuan utama Kurikulum Agama Islam di Sekolah-sekolah Rendah. Adakah ia telah menunjukkan kesan-kesan yang positive di dalam membentuk asas-asas beramal ibadat, menanamkan akhlak yang tinggi di kalangan murid-murid sebelum mereka melangkah ke peringkat sekolah menengah.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, penekanan yang menjadi tumpuan utama kurikulum lama Agama Islam di sekolah-sekolah rendah ialah perkara akidah dan ibadah manakala tumpuan utama kurikulum baru Agama Islam di sekolah-sekolah rendah ialah asuhan membaca Al-Quran dan tidak mengabaikan perkara akidah, ibadah dan budi pekerti.

Penekanan ini telah menunjukkan kesan-kesan yang positive dalam membentuk asas beramal ibadat seperti mengambil wuduk, mengerjakan sembahyang dan membentuk budi pekerti yang baik. Saya ingin menekankan bahawa ianya juga berkehendakan suasana pendidikan rumah tangga dan alam sekeliling yang tidak bertentangan di rumah mereka adalah lebih panjang.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Adakah Kerajaan sedar dengan kurikulum Agama Islam di sekolah-sekolah rendah yang dikenalkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini menunjukkan bahawa murid-murid yang sudah meningkat ke Darjah VI masih lagi tidak dapat membaca Al-Quran dengan fasih dan baik seperti yang didapati sebelum kurikulum yang diamalkan pada kebelakangan ini. Jika sedar, adakah Kerajaan akan memberi pertimbangan supaya pelajaran Agama Islam di sekolah-sekolah Rendah dapat diadakan di sebelah petang atau di sebelah pagi jika sekolah-sekolah rendah itu

diadakan di sebelah petang seperti yang diamalkan pada masa dahulu di mana murid-murid dapat mempelajari ilmu-ilmu Fekah, Tauhid dan Tajwid dan mereka itu sudah fasih membaca Al-Quran apabila meningkat ke Darjah IV sahaja.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah Kerajaan sedar akan perlunya anak-anak kita di sekolah itu diajar, didedah dengan cara-cara pembacaan Quran yang betul. Memang kita sedar bahawa mengikut kurikulum lama sekolah rendah mereka itu tidak dapat fasih dalam membaca Al-Quran sebab itulah kita cuba perkenalkan kurikulum baru sekolah rendah yang menitik-beratkan soal pembacaan kitab suci Al-Quran dan setakat ini kita memberi lebih kurang hampir 2/3 daripada jumlah masa itu untuk kursus membaca al-Quran dan juga didikan untuk membaca Quran di samping yang lain-lain termasuklah akidah dan sebagainya.

Soal untuk menyuruh murid-murid ataupun anak-anak kita itu pergi ke sekolah lagi di waktu petang selain daripada belajar di sekolah-sekolah waktu pagi, ini memang boleh kita beri pertimbangan, namun demikian perlu kita kaji juga bahawa kita mempunyai masa tertentu untuk budak itu berada di kelas dan sekiranya ini kita jalankan, ini mengakibat kita menambahkan masa mereka ini di kelas.

Memang ada negeri-negeri tertentu seperti Johor yang menjalankan aktiviti ini di mana anak-anak yang berada di sekolah selepas balik dari sekolah pagi mereka pergi ke tempat lain di masa petang untuk belajar agama.

#### KAYU BALAK—KEKURANGAN

**6. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah Kerajaan sedar di

akhir-akhir ini banyak kilang-kilang papan yang merosot perusahaannya disebabkan ketiadaan kayu balak dan sebab-sebabnya kayu-balak kian hari kian berkurangan, dan apakah langkah-langkah mengatasinya supaya kilang-kilang tersebut boleh maju semula.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang mengerti mengapa bekalan balak berkurangan kerana pengeluaran balak di Semenanjung Malaysia telah dikekalkan pada paras lama malah pengeluaran balak telah bertambah dari 9.4 juta meter padu dalam tahun 1978 kepada 10.8 juta meter padu dalam tahun 1983, sungguhpun kita melaksanakan dasar pemeliharaan hutan dengan mengurangkan kadar penebangan daripada 366,000 hektar kepada 213,000 hektar dalam tempoh tersebut.

Saya sedar bahawa berasaskan kepada daya pemerosesan kilang-kilang papan di Semenanjung Malaysia, jumlah balak yang digunakan telah meningkat kepada 8.4 juta meter padu dalam tahun 1983 dari 7.6 juta meter padu dalam tahun 1982, satu pertambahan sebanyak 11.3%. Perangkaan ini menunjukkan bahawa kilang-kilang papan mendapat bekalan balak yang banyak. Sungguhpun bekalan balak adalah baik, saya sedar juga bahawa terdapat bekalan balak berkurangan secara sementara di beberapa bahagian negeri terutama sekali kilang-kilang yang mendapat bekalan balak dari negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia di mana gangguan terhadap bekalan balak boleh berlaku pada musim tengkujuh dan pada masa singkat selepas itu.

Sungguhpun bekalan balak adalah mencukupi kilang-kilang papan tidak seharusnya begitu memilih mengenai

spesi-spesi yang patut diproses kerana di suatu masa kelak mereka hendaklah berkebolehan menggunakan balak-balak selain daripada jenis popular termasuk balak-balak yang kurang digunakan dan yang berperempang kecil.

Sekiranya kilang-kilang papan 'flexible', dengan izin, dalam menggunakan balak mereka tidak menghadapi masalah mendapatkan bekalan terutama sekali Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengharamkan eksport balak dari Semenanjung.

Bagi tahun ini Kerajaan hanya membenarkan eksport balak sebanyak 0.5% dari jumlah pengeluaran dan mulai tahun hadapan eksport balak diharamkan sama sekali. Sementara itu Kerajaan juga sedang menggalakkan usaha untuk membawa balak dari Sabah dan Sarawak untuk kegunaan kilang-kilang papan dan papan lapis di Semenanjung.

Dari segi permintaan terutama sekali dari luar negeri keadaan ekonomi dunia telah mula pulih secara beransur-ansur sungguhpun permintaan masih belum sampai ke paras sebelum 1980. Kerajaan melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dari semasa ke semasa menganjurkan misi khas kayu kayan ke pasaran-pasaran tertentu di luar negeri seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Asia Barat selain dari menambah penggunaan kayu gergaji di pasaran tempatan.

Pihak Kerajaan akan mengambil tindakan untuk menentukan industri yang memproses balak dalam negeri akan mendapat bekalan secara teratur atas dasar jangka panjang. Dari segi usaha meluaskan pasaran adalah mustahak pengilang-pengilang papan menggunakan berbagai jenis balak mengurangkan pembaziran dan meningkatkan kecekapan operasi kilang untuk membolehkan mereka

bersaing di pasaran dunia. Pengilang-pengilang hendaklah bersedia beralih kepada pemerosesan di peringkat kedua dan ketiga untuk meningkatkan penggunaan kayu dan memperolehi nilai tambah yang lebih tinggi bagi sumber hutan kita.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa bekalan kayu balak di negara kita ini adalah mencukupi untuk kilang-kilang, tetapi saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ataupun tidak iaitu dari segi harga kayu-kayu yang telah diproses kayu-kayu gergaji, kayu-kayu kumai yang dieksport didapati harganya tidak setabil dan ini telah menjejaskan para pengilang-pengilang papan di negara kita. Jika Yang Berhormat sedar, apakah tindakan-tindakan yang diambil untuk menstabilkan harga-harga kayu yang diproses tadi iaitu kayu gergaji dan juga kayu-kayu kumai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa soalan itu keluar daripada soalan asal. Soalan asal ialah sebab kekurangan ketidakan kayu balak. Soalan tambahan itu ialah berkenaan dengan harga.

#### **KEMISKINAN MASYARAKAT LUAR BANDAR**

7. **Tuan Othman bin Abdul** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa faktor kemiskinan masyarakat luar bandar adalah kerana ketiadaan pemilikan tanah, pemilikan tanah yang kecil saiznya (tidak ekonomik) dan pemilikan tanah yang tidak bergeran. Jika sedar, apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mengatasi kemiskinan jenis ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya menyedari bahawa di antara faktor yang menyebabkan masyarakat luar bandar berpendapatan rendah dan miskin adalah kerana mereka tidak memiliki tanah atau memiliki tanah yang saiznya kecil dan tidak ekonomi. Walau bagaimanapun, terdapat juga faktor-faktor lain yang mempengaruhi keadaan kemiskinan luar bandar yang ada kaitan dengan daya pengeluaran, sikap bekerja, harga barang-barang keluaran mereka, faktor-faktor dari luar dan lain-lain lagi.

Untuk mengatasi masalah saiz kebun yang kecil dan tidak ekonomik, menerusi Dasar Pertanian Negara dan strategi-strategi baru Kerajaan, sebagaimana yang disebutkan dalam dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, tumpuan utama telah diberikan terhadap sistem perkebunan secara koperatif. Di bawah strategi ini, kebun-kebun akan disatukan secara besar-besaran dan diuruskan secara estet supaya tanah pertanian dapat diusahakan dengan lebih ekonomik dan produktif bagi faedah petani-petani.

Penekanan juga akan diberi kepada pertanian bercorak perniagaan dan tidak lagi untuk menyara diri sendiri sahaja. Satu lagi strategi baru yang diperkenalkan ialah pengumpulan kampung-kampung yang berselerak untuk dijadikan satu pusat perbandaran.

Pengumpulan ini akan menjadi asas bagi pertumbuhan kegiatan-kegiatan bercorak bandar dan menjadi punca pendapatan luar kebun kepada penduduk-penduduk. Perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan akan juga dapat disediakan dengan lebih teratur untuk meninggikan lagi taraf hidup mereka. Perubahan strategi membasmi kemiskinan ini hendaklah

juga disertai oleh satu perubahan dalam nilai-nilai hidup di kalangan pekebun-pekebun sendiri jika mereka ingin meningkatkan lagi pendapatan mereka. Mereka hendaklah mengikis sikap terlalu bergantung kepada bantuan Kerajaan dan sebaliknya menggunakan daya usaha dan keusahawanan sendiri.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Soalan Tambahan. Selain daripada faktor tanah yang disebutkan di dalam soalan ini, ada juga faktor-faktor lain sebagaimana yang dikatakan dan salah satu faktornya ialah berkenaan dengan sikap penduduk luar bandar berhubung dengan wang kerana di luar bandar terdapat keadaan, penduduk-penduduk luar bandar itu memandang wang sebagai satu "consumption item" dan tidak sebagai satu perkara yang boleh dijadikan modal untuk pelaburan dan dikembangkan.

Apakah perkara ini disedari oleh pihak Kerajaan dan apakah langkah-langkah perubahan terhadap sikap ini yang difikirkan oleh pihak Kerajaan. Terima kasih.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai sikap yang ada kaitan dengan nilai-nilai mereka yang khususnya berada di luar bandar. Jadi untuk mengatasi perkara sikap ini, mungkin tidak dapat kita laksanakan program-program secara fizikal kerana ini memerlukan asuhan dan penerangan untuk memupuk supaya mereka ini menimbulkan semangat berdikari tahu menilai usaha-usaha, hasil-hasil daripada usaha dan kita juga mengerti sikap mereka daripada luar bandar ini mengenai wang.

Jadi saya hendak merumuskan di sini untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan juga sedang mengirakan

ataupun memberi penerangan yang jelas, pemimpin kita juga selalu merayu kepada masyarakat kita supaya mengamalkan sikap yang lebih lagi daripada yang ada sekarang supaya macam yang saya katakan tadi lebih lagi meninggikan daya pengeluaran, meningkatkan sikap bekerja dan sebagainya.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Langkah Kerajaan seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi memanglah disanjung tinggi, tetapi apa yang menjadi masalah kepada pekebun-pekebun kecil terutama sekali di luar-luar bandar ialah mengenai penyelarasan. Maksud saya penyelarasan agensi-agensi Kerajaan di mana Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan untuk meninggikan dari segi pengeluaran memang telah dilaksanakan tetapi apabila pengeluaran begitu baik dan bertambah kepada pekebun ataupun peladang dan sebagainya dari segi pemasaran, dari segi harganya timbul satu masalah. Misalnya, baru-baru ini dalam surat khabar, padi di Tanjong Karang sampai terbiar berhari-hari yang menyebabkan kerugian kepada petani dan pekebun.

Saya ingin bertanya apakah langkah positif yang betul-betul berkesan oleh Kerajaan supaya pada masa yang akan datang kordinasi, ertinya kerjasama di antara badan-badan berkanun untuk menjamin tentang pengeluaran ataupun menjamin masa depan pekebun-pekebun kecil ini dapat dijamin dengan tidak menimbulkan sebarang masalah kepada rakyat.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, pokok soalan tadi ada kaitan dengan masalah penyelarasan. Jadi saya ingin mengatakan di sini masalah inipun sudah lama disedari oleh pihak Kerajaan. Maka dengan itulah

Kerajaan telah lama menubuhkan sebuah Unit Penyelarasan, Pelaksanaan yang terletak di Jabatan Perdana Menteri.

Mengenai masalah seperti pasaran, harga dan sebagainya seperti yang kita ketahui, terdapat juga badan-badan yang tertentu dalam hal ini ataupun agensi-agensi tertentu yang memang ditugaskan untuk melihat dan mengkaji masalah ini dan mencari penyelesaiannya. Ini yang saya hendak terangkan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Soalan tambahan. Di dalam penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi menyebutkan bahawa langkah-langkahnya ialah termasuk cooperative farming dan juga perladangan komersil dan juga penyatuan kampung-kampung baru.

Daripada pengalaman yang telahpun berlaku di negeri Kedah menunjukkan bahawa hanya bagi individu-individu yang memiliki tanah boleh dilakukan perkara-perkara ini. Jadi soal yang lebih spesifik, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah langkah-langkah yang boleh dibuat bagi mengatasi petani-petani yang tidak bertanah itu.

**Dato Mohamad Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menjelaskan, barangkali Ahli Yang Berhormat pun tahu tanah ini merupakan perkara yang kita tidak boleh tambah dan tentu kita tahu penduduk kita makin lama makin bertambah. Jadi dari segi rasionya lama kelamaan tanah menjadi sedikit kerana dimiliki oleh orang yang lebih. Jadi untuk mengatasi problem pokok ini, Kerajaan telah merancang supaya tanah-tanah ini dikelompokkan dan meningkat dari segi hasil ataupun nikmat yang boleh dikeluarkan oleh tanah-tanah ini digabungkan.

Di peringkat bandar pun begitu juga, kita katakan mungkin bandar-bandar ini perlu dilihat dan dirancang semula. Jadi saya hendak katakan kepada Ahli Yang Berhormat tadi walaupun dari segi perancangan, kita cuba hendak memberi semua orang sekurang-kurangnya sebidang tanah tetapi sekiranya tanah ini sudah tidak ada, sudah tentu kita tidak dapat berbuat demikian. Itulah yang telah terangkan dalam jawapan asal saya tadi, Kerajaan terpaksa merancangkan satu program baru mengatasi masalah yang ada.

### ORIENTASI PELAJAR LUAR NEGERI

**8. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud** minta Menteri Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa ramai penuntut-penuntut biasiswa Kerajaan pada masa cuti musim panas tahun ini tidak di panggil ke kursus orientasi yang diadakan di 3 buah Maktab Perguruan di Kuala Lumpur dan nyatakan sama ada ini bermakna hanya penuntut-penuntut yang ada rekod 'menentang Kerajaan' sahaja yang dipanggil.

**Dato Mohamad Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon maaf kerana banyak sangat menjawab hari ini.

Bukanlah hanya penuntut-penuntut di luar negeri sahaja yang dikatakan ada rekod menentang Kerajaan dipanggil balik bercuti dalam masa cuti musim panas yang lalu untuk mengikuti kursus orientasi yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya peluang balik bercuti ke Malaysia telah diberikan kepada 1,574 orang pemegang biasiswa Kerajaan yang telah berada di luar negeri selama dua tahun. Daripada jumlah itu seramai 916 orang pelajar yang memegang biasiswa Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan telah berpeluang menghadiri kursus

orientasi yang telah diadakan pada 11hb—18hb Ogos, 1984. Yang lainnya tidak dapat hadir oleh beberapa sebab.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah pihak Kerajaan sedar bahawa kursus re-orientasi yang diadakan pada bulan Ogos lalu bagi pelajar-pelajar kita di luar negeri baru-baru ini telah mendapat penghargaan yang baik daripada pelajar-pelajar kita kerana mereka dapat memahami hakikat sebenarnya apa yang berlaku dan apakah perkembangan yang belaku dalam negara kita, tidak sebagaimana berita-berita yang disampaikan kepada mereka yang berada di luar negeri. Dan saya ingin tahu khabar-khabarnya benar atau tidak perbelanjaan untuk mengadakan kursus re-orientasi ini sehingga sampai lebih daripada jutaan ringgit, tidak bolehkah perbelanjaan yang tinggi ini dapat diperjimatkan?

**Dato Mohd. Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya saya mengucapkan terima kasih dan memberi penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat kerana memperakui bahawa kursus orientasi yang kita beri itu sangat berkesan sekali, apatah lagi daripada mereka yang mengikuti kursus ini.

Saya mengucapkan terima kasih kerana saya ada mengambil bahagian di dalam kursus orientasi ini. Jadi balik kepada soalan yang kedua, oleh kerana saya juga mengambil bahagian, saya tahu dari segi perbelanjaan tidaklah sampai berjuta-juta ringgit seperti yang diceritakan.

Yang sebenarnya kos minima sahaja yang digunakan dan dari segi mereka balik menggunakan pembayaran tambahan, ini merupakan perkara biasa oleh kerana kita memang

membenarkan sebelum pelajar-pelajar kita di luar negeri menamatkan kursus, mereka pulang sekurang-kurangnya sekali ke negara ini.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Menteri ada mengatakan sebanyak 1,574 orang penuntut biasiswa Kerajaan dihantar balik selepas dua tahun bagi bercuti di negara kita. Dari segi perbelanjaan ini menunjukkan berjuta ringgit lebih bagi tambang mereka bagi free holiday, dengan izin, apakah lojiknya bagi mereka yang balik ke negara kita untuk holiday sahaja bukannya perbelanjaan ini patut diijamatkan bagi orang lain yang kurang bernasib baik untuk melanjutkan pelajaran mereka di luar negeri?

**Dato Mohamad Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya perlu jelaskan sedikit latar belakang mengapa kita mengadakan kursus orientasi seperti yang Dewan yang mulia ini dimaklumkan kita menghadapi masalah yang ada kaitan dengan kejutan budaya. Masalah kita takut pelajar-pelajar kita dipengaruhi oleh elemen-elemen yang tidak sihat di luar negeri dan sebagainya yang telah kita selalu bahas dengan panjang lebar di dalam Dewan yang mulia ini.

Dan saya katakan oleh kerana setengah daripada merek begitu lama berada di luar negeri semenjak mereka mengikuti kursus-kursus pra-universiti lagi. Kita memandang penting untuk memanggil mereka oleh kerana akhir-akhir ini terdapatnya masalah -masalah seperti yang saya sebutkan tadi dan untuk kita menerangkan kedudukan sebenarnya dasar-dasar Kerajaan sambil kita memberi penerangan yang sejelas-jelasnya apa yang dilakukan oleh Kerajaan di dalam negara kita sendiri untuk pelajar-pelajar kita melihat. Kalau sudah lama mereka tak balik, tak mengetahui, mereka ada

kecenderungan mendengar berita-berita yang diputar belitkan khususnya oleh pihak-pihak Pembangkang seolah-olah negara kita ini tidak lagi berjalan seperti yang ada kita rancangkan mengikuti matlamat dasar kita.

Jadi dengan itulah sebabnya kita minta mereka balik dan saya ingin mengatakan kepada Ahli Yang Berhormat dari segi tambang menambang tadi bukan semua pelajar-pelajar kita balik dan separuh daripada mereka ada option tak dapat balik oleh kerana mempunyai beberapa masalah di sana dan seperti saya katakan tadi oleh kerana biasiswa-biasiswa itu juga datangnya daripada agensi-agensi Kerajaan memang mengikut peraturan syarat-syarat yang dikenakan adalah dibolehkan mereka itu sekurang-kurangnya balik sekali dalam masa mereka mengikuti kursus daripada luar negeri.

#### LANUN/JENAYAH—LANGKAH MEMBENTERAS

**9. Tuan Abdillah bin Haji Abd. Hamid** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah baru yang efektif dan berkesan yang telah diambil oleh pasukan keselamatan khususnya pihak polis membenteras kegiatan lanun di kawasan Pantai Timur Negeri Sabah.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa bertindak tegas bagi membenteras kegiatan-kegiatan jenayah di negara ini termasuklah kegiatan lanun di Sabah.

Kejadian rompakan lanun bagi tiga tahun kebelakangan ini menunjukkan keselamatan di perairan Sabah adalah terkawal.

Bagi menjamin keselamatan terus berkekalan, Kerajaan telah menetapkan Pasukan Polis Hutan di sekitar kawasan pantai dan pulau-pulau yang sensitif dengan dibantu oleh Pasukan Polis Marin. Pasukan Polis Hutan ini sentiasa membuat pemeriksaan rapi di pulau-pulau yang didiami dari masa ke semasa untuk menentukan keselamatan penduduknya.

Pihak Polis Marin sentiasa meningkatkan rondaan dan sekatan laut dengan menggunakan bot ronda jenis terbesar dan bot ronda kecil jenis laju di kawasan-kawasan sensitif. Selaras dengan usaha ini bot-bot ronda telah ditempah ke komponen Sabah mengikut keperluan semasa. Di samping langkah-langkah di atas, Kerajaan juga melaksanakan strategi-strategi khas di kawasan yang difikirkan sensitif.

#### KWSP—PINJAMAN KEPADA KERAJAAN PAHANG

**10. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang dari Kumpulan Simpanan Wang Pekerja-pekerja yang telah dipinjam kepada Kerajaan Negeri Pahang, bagaimanakah wang pinjaman tersebut digunakan dan adakah jumlah pinjaman itu telah dipulangkan. Adakah pinjaman tersebut digunakan untuk projek Atabara (Atabara New Town Project). Apakah syarat-syarat pinjaman tersebut. Apakah asas pilihan yang digunakan oleh pihak Kumpulan Simpanan Wang Pekerja dalam menentukan sama ada pinjaman akan diberi. Bagaimanakah pinjaman itu dikeluarkan. Siapakah yang bertanggungjawab meluluskan pinjaman-pinjaman dari Kumpulan Simpanan Wang Pekerja.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pinjaman sebanyak

\$50 juta telah diberi oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kepada Lembaga Kemajuan Negeri Pahang (LKNP).

Perjanjian pinjaman ini telah ditandatangani pada 26hb Jun 1983.

Tujuan pinjaman ialah untuk membiayai kos perbelanjaan menyediakan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam untuk projek Atarbara Bandar Baru Kuantan.

Pinjaman pokok masih belum perlu dibayar balik oleh LKNP pada ketika ini.

Cara-cara pembayaran balik pinjaman adalah seperti berikut—

Jumlah Pinjaman—\$50 juta.

Kadar faedah—10.5% setahun.

Tempoh pinjaman—15 tahun dengan 10 tahun grace period, dengan izin.

Ini bermakna pembayaran balik dibuat pada tahun 11 dengan 10 bayaran ansuran tiap-tiap setengah tahun. Penjamin ini dijamin oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pemberian pinjaman oleh KWSP adalah diluluskan oleh pihak Lembaga KWSP. Semua pemberian sesuatu pinjaman dipertimbangkan pelbagai kriteria socio-ekonomi telah diambil kira.

**Tuan Ng Cheng Kwai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah wang KWSP dipinjamkan untuk projek-projek lain. Jika ya, sila sebutkan projek-projek yang berkenaan serta kosnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat soalan itu menyeleweng daripada soal asal yang lebih luas lagi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapa pinjaman ini diluluskan dengan begitu mudah. Adakah pinjaman ini digunakan untuk maksud yang lain daripada maksud asal. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa tanah untuk projek Atabara telah diambilalih pada 10 tahun yang lepas akan tetapi setakat ini bayaran kepada bekas pemilik tanah belum dijelaskan. Dan bolehkah EPF dapat balik pinjaman ini dengan faedah yang disebutkan kerana ini wang rakyat khususnya rakyat yang berpendapatan rendah.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, pinjaman yang diluluskan, tadi saya sebutkan, ialah diluluskan selepas kajian dibuat oleh Lembaga KWSP yang dianggotai oleh wakil-wakil dari Union dan juga sektor-sektor lain. Dan pinjaman yang diberi untuk sesuatu projek ada berasas kepada beberapa faktor socio-ekonomi yang telah dikaji dengan teliti. Berkenaan masalah tanah, perkara ini terpulung balik kepada pihak Kerajaan Negeri Pahang dan juga LKNP untuk diselesaikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 14 adalah diberi di bawah ini.)*

#### PENDUDUK 70 JUTA— DASAR KERAJAAN

**11. Tuan Ling Sie Ming** minta Perdana Menteri menerangkan dengan sepenuhnya dasar Kerajaan untuk meningkatkan jumlah penduduk kepada 70 juta pada tahun 2001, apakah Kerajaan telah menimbang masalah-masalah pendidikan, ekonomi, peluang pekerjaan dan sosial yang ditimbulkan akibat dasar tersebut.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:**

Dasar Kerajaan untuk meningkatkan jumlah penduduk kepada 70 juta ini digubal dengan rasionalnya yang tertentu. Adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk membentuk negara ini sebagai sebuah negara perindustrian yang moden dan kuat. Ini memerlukan pembentukan asas perindustrian yang luas dan yang berteknologi moden. Tetapi pada masa ini, pasaran dalam negeri adalah kecil dan terhad untuk menampung kehendak-kehendak perindustrian moden. Satu cara untuk mengembangkan pasaran dalam negeri ialah melalui peningkatan daya beli pengguna yang mana selain daripada berpendapatan tinggi, pertambahan bilangan penduduk yang ramai dengan daya beli yang tinggi menjamin pasaran bagi "mass consumption goods", barangan perantara dan barangan modal.

Dalam jangkamasa panjang, negara kita mempunyai potensi yang cukup untuk menampung penduduk 70 juta. Apa yang penting ialah eksploitasi sumber-sumber tersebut dirancang dengan baik supaya dapat dipastikan penggunaannya yang optima.

Perlu diperhatikan bahawa beberapa pendekatan telahpun ditetapkan bagi mencapai matlamat penduduk 70 juta. Pertamanya, pencapaian penduduk yang lebih ramai ini tidak merugikan atau mengorbankan taraf kehidupan yang dinikmati sekarang. Kedua, memandangkan matlamat penduduk 70 juta ini adalah satu matlamat jangka panjang, tidak bererti kadar kesuburan perlu dipertingkatkan yang mana akan menambahkan beban kepada masyarakat. Apa yang dikehendaki ialah menyederhanakan penurunan kadar kesuburan. Berdasarkan pada arah aliran masa kini, kadar kesuburan berkurang sebanyak 0.5 tiap-tiap 5 tahun. Untuk mencapai matlamat kependudukan 70 juta ini, kadar kesuburan adalah

dirancangkan berkurang sebanyak 0.1 tiap-tiap 5 tahun. Ini bermakna kadar pertumbuhan penduduk akan terus berkurangan. Pada keseluruhannya, jumlah penduduk akan bertambah pada kadar 1.4% dalam tempoh 115 tahun akan datang. Perkembangan ini akan menghasilkan penduduk yang stabil pada 70 juta.

Matlamat kependudukan ini mesti dicapai dalam konteks daya pengeluaran pekerja yang tinggi dan berkembang dan juga penggunaan sumber-sumber yang cekap. Penduduk yang ramai ini perlu rajin bekerja, berdisiplin, dan berakhlak tinggi supaya dapat menyumbang kepada pengeluaran negara dan peningkatan daya pengeluaran. Penduduk yang terdiri daripada tenaga manusia yang rajin bekerja, berakhlak tinggi dan cekap, seterusnya menjadi satu "asset" negara yang tinggi nilainya dan menyumbangkan kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, bilangan penduduk ini tidak akan menjadi beban negara.

Berhubung dengan jangkamasa matlamat dicapai, nampaknya Ahli Yang Berhormat telah memberi penerangan yang salah. Jangkamasa pencapaian matlamat ini adalah 115 tahun iaitu dalam tahun 2100 dan bukan 2001. Seperti yang difahamkan oleh Ahli Yang Berhormat, pencapaian penduduk 70 juta dalam masa 17 tahun bermakna pertambahan penduduk 4 kali ganda. Ini adalah tidak munasabah dan mustahil. Tiada sebuah negara pun yang dapat mencapai pertambahan penduduk sedemikian rupa.

Dengan adanya satu matlamat kependudukan jangka panjang yang jelas, ini dapat membantu Kerajaan menyusun semula dan menggubal program-program dan projek-projek yang ada kaitan dengan pertumbuhan dan perancangan penduduk. Ini

termasuk kajian ke atas implikasi dan masalah yang akan berbangkit daripada penduduk 70 juta. Pada masa ini, Kerajaan sedang menjalankan beberapa kajian dan analisa, menggubal polisi dan program untuk menyelesaikan keperluan-keperluan yang timbul daripada penduduk 70 juta ini.

### POLARISASI KAUM

**12. Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan oleh kerana kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri pada bulan Julai tahun ini berhubung dengan masalah Polarisasi kaum di kalangan kanak-kanak sekolah, apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan sejak itu untuk mengenal-pasti sebab-sebab masalah dan langkah-langkah untuk mengatasinya, sama ada masanya telah tiba bagi Kerajaan untuk menubuh satu Instituit Perhubungan Kaum bagi mengkaji secara mendalam keseluruhan masalah polarisasi kaum di negara ini dan mencari jalan yang positif dan berkesan untuk mengatasi masalah jika tidak, apakah langkah-langkah lain yang akan diambil.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Pertanyaan ini telah pun dijawab oleh Y.A.B. Pemangku Perdana Menteri semasa beliau menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Lumut pada 8hb Oktober 1984. Saya tidak bercadang menambah kepada jawapan itu.

### ANTI-YAHUDI—DASAR KERAJAAN

**13. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Malaysia adalah anti-Zionis atau anti-Yahudi atau pun kedua-duanya.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya inginlah menegaskan bahawa dasar Kerajaan Malaysia tidak sekali-kali anti-Yahudi. Kita hanya menentang Zionis yang didukung oleh setengah-setengah orang atau pertubuhan Yahudi yang mana matlamat Zionisnya ini adalah bertentangan dengan kehendak kita dan kehendak masyarakat antarabangsa.

### KELAB UMNO DI LUAR NEGERI

**14. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan kelab UMNO yang telah dibentuk oleh pelajar-pelajar Malaysia yang sedang mengikuti kursus-kursus di luar negeri mengikut pecahan tahun pembentukan, bandar dan negara di mana kelab ini telah dibentuk dan bilangan ahli; untuk menerangkan sebab pelajar-pelajar universiti tempatan tidak dibenarkan mencebur diri dalam aktiviti-aktiviti yang serupa. Oleh kerana pembentukan kelab-kelab UMNO ini adalah bercanggah dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti yang melarang pelajar daripada mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti politik. Apakah tindakan yang telah diambil terhadap pelajar-pelajar ini.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Kelab-kelab UMNO yang ditubuhkan di luar negeri tidak terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pelajaran. Oleh itu Kementerian Pelajaran tidak menyimpan rekod mengenainya dan dukacitalah saya tidak dapat memberi maklumat-maklumat yang Ahli Yang Berhormat perlukan itu. Akta Universiti-universiti dan Maktab-maktab Universiti 1972 berkuatkuasa di negara kita sahaja. Oleh itu soal menguatkuasakan Akta tersebut kepada pelajar-pelajar kita yang berada di luar negeri tidak timbul.

Mereka adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan atau undang-undang yang berkuatkuasa di universiti-universiti atau negara-negara di mana mereka berada.

*Menangguhkan Mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 18.*

### **PONDOK SETINGGAN KAMPUNG BERCHAM, IPOH**

3.34 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) untuk meminta izin untuk ditangguhkan Majlis Mesyuarat kerana membincangkan satu perkara yang tertentu demi kepentingan orang ramai dan Usul yang saya ingin mencadangkan adalah seperti berikut:

“Bahawa Majlis Mesyuarat ini di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (1) mengizinkan Ketua Pembangkang Parlimen, Y.B. Lim Kit Siang, menangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk tujuan membincang satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan yakni tindakan melampau polis dalam mengusir serta memusnahkan dengan paksa 64 buah pondok setinggan yang melibatkan 500 orang di Kampung, Bercham, Ipoh, semalam.

“Bahawa Majlis Mesyuarat ini adalah berpuas hati bahawa perkara tersebut adalah tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan kerana—

- (i) penggunaan tindakan yang melampau oleh pihak polis yang melibatkan lebih 1,000 orang anggota Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) dan lain-lain anggota polis yang melepaskan se-

cara sewenang-sewenangnya beratus-ratus das gas pemedih mata terhadap orang-orang tua dan sakit (termasuk seorang yang lumpuh), perempuan dan kanak-kanak yang telah menyebabkan kecederaan kepada mereka hendaklah dikecam sekeras-sekerasnya dan dihentikan kerana masalah setinggan adalah satu masalah sosial dan bukan jenayah dan pihak polis hendaklah henti melayankan setinggan-setinggan seolah-olah mereka itu adalah penjenayah, pengganas atau binatang yang tidak mempunyai hak-hak asasi manusia. Dan saya ada bukti bahawa semalam saya baru balik dari Kampung Bercham pukul 4 pagi. Inilah gas yang dilepaskan, semua canister yang kosong. Di sini boleh tengoklah, dengan izin, arsenal of repression semua mungkin lagi satu belum meletup. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh dapat balik untuk meletupkan; (*Ketawa*)

- (ii) bahawa penangkapan sembilan orang setinggan yang kesalahan mereka hanyalah kerana mereka mempertahankan tempat teduh tunggal mereka daripada dirobuhkan harus dikutuk dan tidak boleh dibenarkan diulangi di Malaysia yang melaung-laungkan yang ia mempunyai sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah' yang berkomited terhadap kebajikan masyarakat;
- (iii) bahawa masalah setinggan Kampung Bercham adalah tanggungjawab langsung kedua-dua Kerajaan Pusat dan Negeri kerana ia

merupakan kegagalan dasar perumahannya untuk memberi tempat teduh kepada orang-orang miskin dan khasnya kerana Kerajaan telah tidak menunaikan janji sucinya untuk menempatkan setinggan-setinggan dengan memberikan mereka rumah-rumah alternatif dan tanah untuk bercucuk tanam dalam semua kes yang wujud sebelum bulan Jun 1975 dan setinggan-setinggan di Kampung Bercham mempunyai sejarah selama 10 hingga 15 tahun;

- (iv) bahawa Kerajaan Pusat dan Negeri. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nanti sekejap. Ada yang bangun, atas point of order?

**Wan Mohd Najib bin Wan Mohamad:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penjelasan tidak boleh lagi, nanti dahulu. Sila teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:**

- (iv) bahawa Kerajaan Pusat dan Negeri hendaklah memikul tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah akomodasi yang mendesak yang dialami oleh 500 orang tersebut yang meliputi 64 isi rumah setinggan yang kini tidak berumah akibat tindakan Kerajaan semalam.
- (v) bahawa Parlimen hendaklah menggariskan garis-garis panduan tertentu untuk diikuti oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam menghadapi masalah

setinggan termasuk yang berikut—

- (a) setinggan-setinggan tidaklah boleh dilayan sebagai penjenayah, pegganas atau seakan-akan mereka adalah binatang yang tidak mempunyai hak asasi manusia;
- (b) bahawa masalah setinggan tidaklah boleh diselesaikan dengan menggunakan polis seperti melepaskan secara wenang-wenang gas pemedih mata terhadap orang-orang yang sakit, tua, perempuan dan kanak-kanak dan masalah tersebut hendaklah diselesaikan menerusi perundingan dan perbincangan;
- (c) Kerajaan hendaklah memikul tanggungjawabnya ke atas masalah setinggan kerana kegagalan rancangan perumahan untuk memberi tempat teduh kepada orang-orang miskin;
- (d) menunaikan janji Kerajaan bahawa semua setinggan yang wujud sebelum Jun 1975 akan dibekalkan dengan rumah atau tanah alternatif sebelum mereka diusirkan.”

Sekian, terima kasih.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah dimaklumkan bahawa iaitu pada pagi ini saya telah menerima satu pemberitahuan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka seperti dibacakan oleh Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Setelah saya meneliti usul yang dibawa oleh ahli Yang Berhormat itu dan sebelum saya menerima bahawa usul itu boleh dibincangkan di bawah Peraturan 18, saya hendaklah berasa puas hati bahawa ia menepati tiga unsur iaitu pertama, usul itu adalah tertentu, kedua, ia berkenaan dengan kepentingan orang ramai dan ketiga, ia perlu disegerakan hingga perlu ditangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk menimbang usul itu.

Setelah menimbang dan meneliti usul itu saya tidak ada apa-apa halangan ia dibincangkan. Jika tidak ada ahli-ahli yang membangkang, usul ini akan ditimbang pada jam 5.30 petang ini mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (3). Jika tidak ada sesiapa membangkang, maka saya tempohkan usul ini sehingga pukul 5.30 petang mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (3).

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun tidak membangkang tetapi saya ingin mendapat ruling ataupun penjelasan. Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang itu ada membawa alat-alat. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat yang itu boleh diresabkan, diuntukkan pada masa membincangkannya kelak.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya faham. Tetapi saya hendak bertanya dahulu, adakah kebenaran diberi membawa alat-alat ini, dan kalau dibenarkan pada masa akan datang kalau

sekiranya berlaku di luar Dewan ini sesuatu perkara, adakah dibenarkan saya membawa bom tangankah atau apa benda yang tidak meletupkah ke dalam Dewan ini. Sudah dibenarkah atau tidak? Itu saya hendak bertanya dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Barang yang digunakan terhadap rakyat itu ke empat-empat semuanya sudah habis—kosong. Tak tahulah kalau meletup. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu boleh ambil sekarang.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah saya hendak meyakinkan bahawa barang-barang ini datang dari Kampung Bercham atau Ketua Pembangkang itu sendiri. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti. saya ingat perkara itu boleh dibincangkan kelak pada masa sampai waktunya iaitu pada pukul 5.30.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tentang Ahli Yang Berhormat membawa barang-barang letupan itu bukan kuasa saya, itu adalah kuasa polis.,

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Saya bertanya ini pun termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri ada di sini, kalau perlu panggil polis kerana barang ini bahaya, Tuan Yang di-Pertua. Dia sekarang bawa gas pemidih mata, nanti dia bawa bom ke dalam Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat cukuplah itu. Itu terpulanglah kepada siapa-siapa yang berkenaan yang berkuasa di atas perkara itu menjalankan kuatkuasa mereka di bawah undang-undang. Kuatkuasa saya hanya mentadbirkan mesyuarat ini sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Perkara 18 (3), perkara ini telahpun tidak ada bantahan maka saya telah memutuskan bahawa akan dibincangkan pada pukul 5.30 petang ini dan mengikut 18 (3) yang berbunyi: Maka usul ini hendaklah ditempokkan sehingga pukul 5.30 petang hari itu juga dan pada pukul 5.30 petang itu, apa-apa perkara sedang dijalankan oleh Majlis Mesyuarat, hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 6.30 petang atau hingga cadangan menangguhkan itu telah diputuskan iaitu yang mana dahulu di antara dua ini. Apabila sampai pukul 6.30 petang, maka cadangan menangguhkan mesyuarat itu jika belum diselesaikan lagi, adalah lucut dan perjalanan-perjalanan yang ditangguhkan tadi hendaklah diteruskan dan diuruskan menurut perenggan 4, dan perenggan 4 mengatakan apa-apa perjalanan yang telah ditangguhkan menurut Peraturan ini boleh diteruskan selepas pukul 6.30 petang selama masa yang kita ambil untuk membincangkan perkara ini—

“Oleh yang demikian, ahli-ahli Yang Berhormat nampaknya mengikut Peraturan 18 (3) ini kita akan memakan masa tidak lebih dari satu jam untuk membincangkan usul ini.”

Yang demikian, saya mintalah supaya kedua-dua pihak mempunyai masa yang sama, yang adil. Saya minta pihak yang mengemukakan usul ini memakan masa setengah jam, yang menjawab usul ini memakan masa setengah jam. saya menggunakan kuatkuasa saya di bawah Peraturan Mesyuarat 35 (8) iaitu berbunyi—

“Tuan Yang di-Pertua atau Pengerusi boleh menghadkan masa bagi Ahli-ahli berucap, jika perlu.”

Yang ini saya memikirkan perlu saya menghadkan supaya kedua-dua pihak

mempunyai masa yang sama untuk membincangkan perkara ini.”

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk penjelasan sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Adakah ini bererti bahawa kalau dua-dua orang menggunakan setengah jam, baru dua orang ambil perbahasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu terpulang. Jikalau sekiranya seorang itu sebelah yang mencadangkan memakan masa bercakap 10 minit, ada lagi 20 minit sebelah dia yang menyokongnya bercakap lagi—setengah jam.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH SYARIAH (BIDANG KUASA JENAYAH) (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. (10hb Oktober, 1984).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kuala Nerus, sila teruskan.

3.47 ptg.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus):** Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih. Rang Undang-undang ini bertujuan meminda seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa) 1965. Pindaan yang dicadangkan itu memperluaskan bidangkuasa jenayah mahkamah syariah untuk membicarakan kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum penjara tidak lebih dari tiga tahun atau \$5,000

denda. Memandangkan kepada tujuan ini ialah untuk memperluaskan bidangkuasa denda dengan sesesuaiannya bidangkuasa jenayah ataupun bidangkuasa denda diluaskan ataupun ditinggikan,—ditingkatkan, dengan itu mustahaklah diluaskan pula bidang qualiti kedudukan Hakim Mahkamah Syariah itu sendiri, bukan hanya dipertingkatkan atau diperluaskan hanya kepada semata-mata kuasa bidang denda sahaja. Kalau sekiranya hanya setakat bidangkuasa denda sahaja maka tidaklah setaraf atau seimbang kedudukan yang sesuai ataupun difikirkan patut. Dalam segi qualiti ataupun taraf Hakim Syariah ini adalah suatu perkara yang patut Kerajaan mengambil berat dan mempernilaikan dengan nilai-nilai yang sesuai sebagaimana hakim-hakim di Mahkamah Majistret juga. Sebab kalau kita pandang sebagaimana apa yang ada sekarang dari sejak selama ini, sejak negara kita telah mencapai kemerdekaan, amat jauh sekali qualiti taraf kedudukan hakim Mahkamah Syariah itu dengan hakim Mahkamah Majistret dalam segi gajinya, dalam segi pejabatnya, dalam segi keselamatannya.

Misalnya, kadi-kadi ataupun hakim-hakim Mahkamah syariah menjalankan tugasnya sama jugalah sebagaimana hakim-hakim di mahkamah Majistret. Kawalan Polis dan keselamatan, misalnya, menjaga diri, didapati hakim-hakim Mahkamah Majistret jarang sangat yang tidak ada mempunyai milik senjata—jarang sangat; tetapi hakim-hakim Mahkamah Syariah ini ataupun kadi-kadi ini jarang yang ada. Jadi seolah-olah hakim Mahkamah Majistret sahaja yang takut mati, hakim Mahkamah Syariah ini tidak mengapalah, padahal saya sendiri pernah tengok kadi yang membicarakan suatu kes di dalam Mahkamah Syariah apabila diserang ramai-ramai menggigil, hakim itu

sendiri menggigil. Apabila hakim sudah menggigil, bagaimana hendak menghukum dengan adil, bagaimana dengan menghukum dengan baik kalau dia sendiri sudah menggigil. Maka ini patut pihak Kerajaan memberi perhatian yang sewajarnya.

Pergi pula kepada rumahtangga. Kalau kita pergi ke rumah hakim atau majistret; pergilah pula ke rumah kadi yang dinamakan hakim Mahkamah Syariah ini, amat jauh bezanya. Apabila pandangan rumahnya amat jauh bezanya begitulah juga perasannya. Kadang-kadang telefon pun tidak ada, hendak minta telefon pun susah hendak dapat. Office hakim Mahkamah Majistret ada telefon direct (terus), officenya sebagaimana office pegawai-pegawai tinggi atau kedudukannya menasabah sebagai office seorang hakim. Pergi pula kepada office hakim Mahkamah Syariah, belas hati dan sayu rasanya. Kenapa sampai begini sekali kita biarkan yang kita katakan bahawasanya nilai-nilai Islam kita mahu tinggikan, kita mahu serapkan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran Kerajaan.

Kalau kita tengok keadaan seumpama ini, di mana itu nilai, nilai itu di mana dan apa itu nilai? Nilai ini bolehlah diperkatakan dalam bahasa Arab “syiar”, syiar Islam mahu diserapkan dalam pentadbiran-pentadbiran Kerajaan. Apa erti syiar, apa erti nilai? Nilai itu ada erti nilai, erti nilai ialah barang yang berharga—itu erti nilai, akan tetapi kalau dipandangnye selekeh, di mana itu nilai? Syiar tentang Islam itu sendiri tidak payah diungkit, tidak payah digosok, tidak payah dimandimandikan, sedangkan Islam tinggi sendiri sudah bagus, agama Allah Subhanahu Wataala, tetapi yang kita bicarakan hari ini syiarnya itu. Maka apa erti syiar, apa erti nilai? Pandangan-pandangan yang sesuai yang nampak tinggi pada mata dan

pemikiran manusia, itu erti nilai. Tetapi kalau kita pergi ke Pejabat Kadi atau Pejabat Hakim Mahkamah Syariah, kita tengok selekeh, telefon pun tidak ada, bagaimana ini?

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu mulai hari ini semoga dengan hasrat Kerajaan yang benar-benar ikhlas mahu menerapkan nilai-nilai Islam ini ke dalam pentadbiran semoga rakyat khususnya umat Islam dan penduduk-penduduk yang terdiri daripada rakyat Malaysia akan mahu dan akan dapat lihat dan mahu mengecap nikmat perkataan nilai-nilai Islam. Kalau kita pandang di negara Indonesia tidak disebut kalimah nilai-nilai Islam dan di negara-negara Islam yang lain jarang sangat disebut kalimah nilai-nilai Islam. Maka kita di Malaysia kita simbolkan, menunjukkan bahawa kepada arah ini betul-betul Kerajaan berhasrat dan bertujuan yang baik dan niat yang baik.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Kembali kepada kedudukan Mahkamah Syariah ini. Semalam saya sebutkan tentang duduknya Mahkamah Syariah ini, kepastian kedudukan itu. Yang ada sekarang ini ialah di bawah Pejabat Agama, apabila berada di bawah Pejabat Agama rasa saya ini sentiasa menjadi terhad yang menjadi sangkut atau paksaan untuk melicinkan pentadbiran Mahkamah Syariah itu dengan secara yang betul-betul mengikut yang dikehendaki dan selisa sesuai dengan keadaan masa dan zaman.

Misalnya, suatu kes berlaku pergi ke Mahkamah Kadi, tidak putus di situ pergi ke Mahkamah Kadi Besar. Selepas itu tidak putus juga pergi kepada Jawatankuasa Appeal; bukan Mahkamah Appeal. Apabila dinamakan Jawatankuasa ertinya boleh dipilih sesiapa sahaja yang menasabah untuk mehakum dalam

perkara ini ataupun menjadi hakim dalam perkara kes ini. Maka ini sudah tidak begitu logik kerana satu kes sepatutnya dia boleh pergi kepada tinggi, tinggi, tinggi setingginya yang boleh dibicarakan. Ini akhirnya mati kepada Jawatankuasa. Lepas daripada dibicarakan di Mahkamah Kadi pergi kepada Mahkamah Kadi Besar. Namanya Kadi Besar, apa yang besarnya. Apabila berada di bawah Pesuruhjaya Pejabat Agama, dia berada di bawah Yang Dipertua Pejabat Agama, apa besarnya itu, di mana besarnya itu kalau dia sudah duduk di bawah naungan Ketua Pejabat. Yang Dipertua Pejabat Agama, dia adalah Ketua Pejabat atau Pesuruhjaya Pejabat Agama itu dia adalah Ketua Pejabat. Kadi Besar itu, Justice atau kita kata 'Khadil Khuda' dalam bahasa Arab duduk di bawah Ketua Pejabat, apa besarnya itu? apa erti besarnya itu, 'Khadil Khuda' apa ini? Justice apa ini duduk di bawah naungan Ketua Pejabat. Ertinya Kadi Besar itu takut kepada Ketua Pejabat. Cuba kita fikir menasabahkan ini, betulkah ini?

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Di Pejabat Kadi mana Yang Berhormat?

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Mana-mana Pejabat Kadi.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Semua serupa?

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Begitulah, melainkan saya dengar khabar-khabarnya Wilayah Persekutuan ini lain sedikit. Itupun agak-agak sahaja tetapi yang lainnya semua di bawah Ketua Pejabat Agama, Kadi itu di bawah Ketua Pejabat Agama, Mufti itu tidak usah kiralah. Jadi ertinya kalau sesuatu kes kena pada anak Ketua Pejabat Agama itu sendiri, pakai jeling-jeling mata sahajalah, fasal pejabat pun satu, itulah pejabatnya di situlah Kadi Besar duduk, di situlah Ketua Pejabat

Agama dan di situlah pula Pendakwarayanya. Di sini bilik Pendakwaraya, di tepi ini bilik Hakim. Sebelum bicara itu Pendakwaraya sudah kenyit mata sudah masuk di bilik Hakim. Semua kes-kes itu sudah tahu. Kadi tahu semua kes khalwat dan lain-lainnya. Ertinya Kadi masuk itu apa maklumat semua sudah penuh kepada Hakim itu. Apa ini? Rasa saya dalam segi kehakiman sungguh tidak kena. Biasanya, ghalibnya Hakim dengan Pendakwa ini tidak boleh sama office, sama satu bumbung pun tidak kena kerana Hakim ini—Arab kata Hakim, kita kata Pengadil. Kalau semua sudah dia tahu semua dia sudah dapat makluman belaka apa yang hendak diadilkan. Maka saya mencadangkan supaya Mahkamah Syariah ini diasingkan tidak di bawah naungan Pejabat Agama. Asingkan iaitu Mahkamah Syariah yang berkuatakuasa sendiri di bawah naungan mana itu terpulanglah kepada pihak Kementerian ataupun pihak Kerajaan kita berunding dengan pihak Negeri, apakah sesuai di bawah naungan mana.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat, minta duduk dahulu. Yang Berhormat dari Kepong, saya nampak Yang Berhormat sedang mengisikan satu barang dalam itu. Adakah Yang Berhormat dapat kebenaran membawa keluar atau mengubah barang-barang itu?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ada.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Daripada siapa?

**Dr Tan Seng Giaw:** Daripada Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Sepatutnya minta kebenaran daripada Yang di-Pertua. Saya minta Yang Berhormat letak balik benda-benda

itu dekat situ dan sila balik ke tempat Yang Berhormat. Membawa senjata mesti mendapat kebenaran, tidak boleh dipermudahkan begitu sahaja. Sila balik ke tempat Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat daripada Kuala Nerus teruskan.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, Pendakwaraya di bawah Pejabat Agama atau dalam kuasa Pejabat Agama. Hakim ataupun Kadi berasingan, bukan di bawah naungan Pejabat Agama. Pejabat pun tidak boleh ataupun tidak harus disatukan Pejabat Mahkamah Syariah dan Pejabat Agama, diasingkan. Kerana ini Mahkamah Pengadilan. Kemudian harus ditingkatkan Mahkamah Syariah ini seimbang dengan Mahkamah-mahkamah Civil.

Walaupun sekarang kita tingkatkan kepada peringkat sama dengan Mahkamah Majistret tetapi tidak dimatikan setakat itu. Patut juga kita contoh Indonesia ataupun setengah-setengah negara lain. Indonesia dia ada tiga: Mahkamah Military, Mahkamah Civil dan Mahkamah Syariah. Ketiga-tiga ini kesemuanya berada di bawah naungan yang satu. Ertinya sesuatu kes yang tidak boleh diselesaikan. . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (Bangun).

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ya, apa hendak Yang Berhormat?

**Dr Tan Seng Giaw:** Penjelasan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat hendak beri jalankah?

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Hendak minta jalan? Sila.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah dapat kebenaran daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka untuk mengambil

barang-barang itu keluar supaya kita dapat memastikan tiada apa-apa bahaya.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Itu perkara lain. Tiada bersangkutan. sila duduk.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya tidak nampak peraturan di sini yang menghalang saya berbuat demikian.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Sebagai Yang di-Pertua, saya berhak menjaga ketenteraman Dewan. Yang Berhormat boleh rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 43. Sila Yang Berhormat teruskan.

**Tuan Ibrahim Azmi Hassan:** Jadi sesuatu kes yang tidak boleh diputuskan di Mahkamah-mahkamah Mejistret pergi kepada Mahkamah Tengah, kemudian pergi kepada Mahkamah Tinggi.

Apabila di Mahkamah Tinggi, di situ ada tiga Hakim. Hakim daripada Mahkamah Syariah, Hakim daripada Mahkamah Military, Hakim Mahkamah Sivil. Tiga. Ertinya kedudukan Hakim Syariah ini boleh setimbang dengan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Sivil. Tidaklah sebagaimana apa yang kita ada sekarang. Yang ada sekarang kita ini Hakim Mahkamah Syariah sampai sahaja kepada peringkat kes itu tidak boleh diputuskan di Mahkamah Kadi Besar pergi kepada Jawatankuasa. Kemudian Jawatankuasa itulah memutuskan. Kadang-kadang Jawatankuasa itu dipilihnya pula Hakim-hakim daripada Mahkamah Sivil walaupun perkara itu kes hal-ehwal agama. Dipanggilnya Hakim Mahkamah Sivil sedangkan Hakim Mahkamah Sivil tidak faham dalam undang-undang Islam. Dia sendiri tidak tahu bagaimana undang-undang Islam. Dia tidak baca dan dia tidak mempelajari tetapi dia mahu jadi Hakim perkara-perkara dalam hal

ehwal agama. Bagaimana? Ini tidak kena. Terpaksa pula setengah-setengah Hakim panggil Mufti duduk dekat. Hendak tanya Mufti ini salah tidak salah dan ini bagaimana. Jadi dia Hakimkah atau Mufti Hakim? Kenapa jadi begini.

Ini menunjukkan susunan kita percuai. Kita tidak hirau. Kita merasai perkara-perkara dalam agama ini orang Trengganu kata "buatlah badah, enteng sahaja, tidak mengapa" atau kita fikirkan tidak ada pakar.

Kadang-kadang kita sendiri perkara-perkara undang-undang hal ehwal agama, kita suruh loyar-loyar, pakar-pakar yang tidak faham dalam hal ehwal agama, kita suruh dia buat undang-undang kemudian kita peredarkan pula kepada Mufti untuk melihat. Bagaimana ini? Seolah-olah kita memperkecilkan orang-orang yang ada mempunyai akademik dalam agama seolah-olah kita memperkecilkan, seolah-olah kita tidak percaya kebolehan mereka. Padahal dalam Islam, akademik dalam Islam mereka sampai kepada peringkat Ph.D. jikalau sekiranya susunan-susunan itu tidak boleh dipermasukkan ataupun tidak boleh dikuasai atau diperasingkan dengan pemerintahan negara bagaimana orang itu boleh mempelajari sehingga sampai peringkat Ph.D. dalam Islam. Oleh itu kita mahu atau tidak mahu, itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mendapat izin dengan Tuan Yang di-Pertua sebab agak saya bercakap ini panjang adakah lepas daripada saya ini ada orang lain hendak bercakap. Sebab takut panjang sangat nanti ada orang lain hendak bercakap. Jadi saya minta izin duduk sekejap dahulu.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Terpulanglah kepada Ahli Yang Berhormat, kalau ada perkara-perkara yang mustahak hendak

dibangkitkan boleh dibangkitkan lagi. Tetapi pertimbangan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain itu patut kita buat sama.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kita pertingkatkan kedudukan atau bidang Mahkamah Syariah ini kemuliaan negara kita, kehormatan negara kita dipandang oleh negara-negara Islam lain, dipandang oleh Allah s.w.t. sendiri menambah lagi keberkatan, menambah kemakmuran, menambahkan kasihan belas dan rahmat dari Allah s.w.t.

Kemudian, barangkali ada di antara setengah-setengah mereka memikirkan bahawa lapangan-lapangan atau bidang-bidang dalam agama ini tersekat. Sebenarnya tidak tersekat. Ianya amat luas. Misalnya, kalau kita katakan dalam Mahkamah Syariah luas sangat di situ. Bukan untuk membicarakan tentang khalwat sahaja. Jangan kes-kes khalwat sahaja pergi ke situ. Yang sebenarnya bagaimana banyaknya kes-kes ke Mahkamah Sivil, begitulah banyaknya atau lebih banyak yang boleh ke atau dibicarakan di Mahkamah Syariah. Bukan khalwat sahaja. Kita fikir pasal khalwat dan kalau khalwat ke Mahkamah Syariahlah—khalwat Mahkamah Syariahlah.

Jadi sebab itu dipandang Mahkamah Syariah ini kecil tidak penting. Yang sebenarnya luas.

Saya berani berkata, saya berani bercakap melafazkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawasanya lapangan-lapangan, bidang-bidang yang boleh dibicarakan di Mahkamah Syariah adalah lebih luas lagi daripada apa yang boleh dibicarakan di Mahkamah Sivil. Sebagai contoh, saya tunjukkan contohnya. Ini kalau hendak kena betul Mahkamah yang dikatakan Mahkamah ataupun yang

dimaksudkan Mahkamah. Erti Mahkamah dengan benar-benar erti-kata.

Satu kes misalan. Kes ini ke mana yang patut kita bawa. Seorang bunuh seorang iaitu kerana orang itu hendak membunuh dia. Betul-betullah kita nampak lembing hendak tikam kita. Kemudian kita sempat tikam dulu. Mati orang itu. Ke Mahkamah manakah yang patut kita bawa ini kes? Ke Mahkamah syariahlah yang lebih patut. Sebab pembunuhan seperti itu halal dalam Islam.

Seseorang yang hendak bunuh kita, sempat kepada kita dahulu, halal dalam Islam tidak boleh dihukum. Tidak berdosa dalam Islam. Apabila tidak berdosa di sisi Allah bagaimana mahu berdosa di sisi manusia.

Seorang bunuh, isterinya. Kepada Mahkamah manakah yang lebih patut. Mahkamah Sivilkah atau ke Mahkamah Syariah? Kerana bunuh isteri lain daripada bunuh orang lain hukumannya.

Seorang bunuh anak lain hukuman daripada seorang lain bunuh orang lain.

Seorang bunuh, subahat seperti seorang buta bunuh orang. Seorang buta mengamuk hendak membunuh seorang bernama Othman, misalan, Othman lari tengah orangramai. Maka dia dengar suara seakan-akan Othman dia tikam orang itu, bukan Othman itu. Ke Mahkamah mana yang patut dibawa ini. Ke Mahkamah Sivilkah atau ke Mahkamah Syariah. Ke Mahkamah Syariah tempatnya, bukan Mahkamah Sivil.

Seorang mencuri, curi biasa, selok poket, ambil harta orang dan sebagainya. Itu ke Mahkamah Sivil biasa. Tetapi kalau seorang mencuri wang orang minum arak yang sedang mabuk, dia masuk di bar, dia tengok

seorang mabuk, duitnya jatuh dia curi, Polis tangkap. Ke mahkamah mana mahu dibawa ini? Mahkamah Sivilkah atau Mahkamah Syariah? Mahkamah Syariah kerana ada hukumnya seseorang mencuri hak orang sedang mabuk arak ada hukumnya dalam Islam, bagaimana.

Jadi kes-kes banyak yang boleh dibawa ke Mahkamah Syariah, dengan itu menghilangkan beban-beban Mahkamah Sivil yang menimbun-menimbun sehingga 3-4 tahun tidak bicara. Panggil orang pergi, tidak jadi bicara—panggil lagi tidak jadi bicara sampai 2-3-4 tahun, kes banyak, Hakimnya sedikit, tetapi kalau kita buat mahkamah dicerai ini, beri bidangkuasa memperluas Mahkamah Syariah ini, maka meringankan Hakim-hakim ataupun tanggungjawab-tanggungjawab Mahkamah Sivil.

Rogol, ada di antara rogol—bukan semua rogol, ada rogol subahat ataupun kita katakan watisubahat, misal kata, inipun payah juga hendak bicara. Bersetubuh subahat ini kena rujuk kepada Undang-undang Islamiah, tidak susah juga hendak hukuman, macam mana watisubahat atau bersetubuh subahat, seperti isteri kita pergi tempat orang kahwin, dia tidur situ minta kebenaran kita hendak tidur di sana rumah bapa saudara dia, ramai tidur di situ, kitapun tidur di situ juga, tetapi tidaklah tidur di bilik itu, bilik lain, kita cam isteri kita pakai baju merah, rambutnya pendek, dia tidur ramai-ramai, kita tidur di situ, malam-malam hari kita tiba-tiba misalnya berhasratlah pergi cari, kena orang lain, orang itu report, kata si polan-polan rogol dia, betul-betul rogol, tetapi hatinya bukan orang itu, dia cari isteri, sudah gelap-gelap, rambut pendek rasanya baju merah inilah dia, kena orang lain, perempuan itu report ke Polis, masuk jadi kes, ke mahkamah mana hendak bawa pergi ini?

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat ini sudah jadi blue film (*Ketawa*), pendekkan sedikit tentang itu.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua. . . .

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Contoh 1-2 sudah cukup.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, itu satu daripada contoh pendek yang saya tunjukkan. Jadi inilah maknanya bidang-bidang yang kita menunjukkan bahawa luasnya bidang-bidang yang boleh dimasukkan atau dibicarakan dalam kes-kes yang menasabah di Mahkamah Syariah.

Tuan Yang di-Pertua, apabila diperluaskan tanggungjawab Hakim ataupun kuasa Hakim yang boleh membuat denda yang begitu tinggi \$5,000 misalnya atau 3 tahun penjara, maka hendaklah Hakim-hakim ini mendapat latihan profesional, bukan hanya semata-mata akademik sahaja, sebab keadilan ataupun hendak menjadikan sesuatu hukuman itu adil, bukan bersangkutan dengan akademik sahaja, bersangkutan dengan pengalaman atau profesional, mestilah kena ada pengalaman, kalau tidak ada pengalaman, tak usahkan apa, kalau tidak ada pengalaman ini belah durian pun kalau tak ada pengalaman, kalau tidak pernah tengok orang belah durian bagaimana? Pakai kapak misal kata susah juga hendak keluarkan isinya itu, tetapi kalau kena dengan pengalaman dan cara dia tidaklah begitu sulit, dan pengalaman-pengalaman ini amat mustahak, takut atau bimbang seseorang Hakim itu tidak kena, tidak berpadanan dengan kes, dendanya sampai \$5,000 misalnya, sudah tidak menasabah ataupun sebagaimana yang telah berlaku di Malaysia ini ada berlaku. Contohnya, di Mahkamah Kadi, bicara satu orang mengatakan orang

ini mengacau dia dan sebagainya, kemudian lalulah Kadi itu, hukuman kepada si lelaki itu manakala tanya pula kepada si perempuan, si perempuan tidak mengaku, sudahlah Kadi tidak tahu arah hendak buat apa, apabila perempuan tidak mengaku, orang itu mestilah kena mengaku, ini takkan bertepuk tangan sebelah jadi, mesti dua belah, mesti kena, awak mengaku dan hukumannya kepada wanita yang tidak mengaku tadi. Jadi ini menunjukkan pengalaman membicarakan itu tidak begitu halus, dengan yang demikian adil ini adalah suatu yang sangat mustahak bagi Hakim-hakim.

Kembali kita kepada mahfun hadis atau fahaman hadis Rasullullah s.a.w yang bermaksud; melakukan adil sesaat ataupun selangkah lebih baik daripada beribadat setahun. Maka untuk menepatkan keadilan ini hendaklah Kadi-kadi ataupun Hakim Mahkamah Syariah ini kena membuat kursus atau latihan-latihan sebagaimana juga Hakim-hakim Majistret, sama ada latihan-latihan itu patut dihantar keluar negeri ataupun dalam negeri supaya pengalaman-pengalaman itu setanding dengan Hakim-hakim di Mahkamah Majistret, maka dengan keadaan seumpama ini sesuaiilah dengan apa yang hasrat Kerajaan mempertingkatkan itu agar memberi faedah dan agar sentiasalah maju jaya yang boleh menampakkan kecemerlangannya itu dari satu masa ke satu masa, maka dalam perkara yang saya sebutkan tadi mengasingkan antara Pejabat Agama dengan Mahkamah Syariah tadi. Saya mengharap pihak Kerajaan amat-amati dan mengambil berat. Maka sehingga ini sahaja dan saya ucapkan ribuan terima kasih dan saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Labis.

4.28 ptg.

**Tuan Bahari bin Haron (Labis):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian di dalam menyokong Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1965 dan perbincangan saya hanya ditumpukan kepada dua perkara sahaja.

Yang pertamanya ialah mengenai prosedur ataupun tatacara perjalanan sesuatu kes yang diamalkan di dalam Mahkamah Syariah.

Pada pendapat saya satu kajian menyeluruh mengenai prosedur yang diamalkan di Mahkamah-mahkamah Syariah perlulah dijalankan oleh kerana dalam pengalaman saya sebagai seorang peguam, saya telah berpeluang untuk membawa kes-kes anakguam saya dalam Mahkamah Syariah dan didapati bahawa tidak ada satu prosedur yang benar-benar dapat meyakinkan pihak-pihak yang terlibat bahawa segala kehendak keadilan dapat ditepati, berbeza dengan Mahkamah-mahkamah Sivil atau mahkamah biasa di mana terdapat undang-undang yang mengawal tatacara suatu kes itu berasaskan kepada Criminal Procedure Code ataupun Kanun Acara Jenayah.

Jadi saya berpendapat bahawa perlulah dikaji dan diseragamkan tatacara perjalanan kes di dalam Mahkamah Syariah di seluruh negara.

Perkara yang kedua ialah mengenai peguam-peguam yang dibenarkan untuk mewakili anak-anak guam dalam kes-kes Mahkamah Syariah. Saya berpendapat walaupun pada hari ini dibenarkan Ahli-ahli Majlis Peguam ataupun Peguambela dan Peguamcara yang berdaftar dengan Majlis Peguam mewakili anak-anakguam mereka dalam Mahkamah Syariah, saya berpendapat bahawa peguam-peguam yang dibenarkan

mestilah terdiri daripada mereka yang diberikan tauliah oleh Jabatan Agama dan tauliah hanyalah boleh dikeluarkan setelah peguam-peguam berkenaan menjalani satu kursus mengenai Undang-undang Islam dan ianya lulus di dalam satu ujian yang dijalankan oleh pihak Jabatan Agama di setiap negeri. Saya juga mengesyorkan supaya tauliah boleh diberikan kepada graduan-graduan dari bidang Undang-undang Islam daripada Universiti-universiti Islam di Timur Tengah untuk mewakili anak-anakguam mereka di dalam kes-kes di Mahkamah Syariah.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan segala sukacitanya menyokong akta sepertimana yang dibahaskan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Batang Padang.

*4.32 ptg.*

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang untuk meminda seksyen 2, Akta 23/65 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang telah berjalan sejak 18 tahun yang lalu dengan memperuntukan hanya denda maksima \$1,000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Tetapi dengan adanya pindaan ini dapatlah Mahkamah Syariah membicarakan kesalahan yang boleh dihukum tidak lebih 3 tahun penjara dan tidak lebih \$5,000 atau sebat tidak melebihi 6 rotan; yang baru itu sebat, dahulu tak ada sebat langsung.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan yang sedang melaksanakan penerapan nilai-nilai Islam di semua bidang pentadbiran, bidang munakahat, muamalah ataupun di bidang jenayah. Di sini saya hendak menyentuh sedikit tentang bidang pentadbiran yang boleh menjejaskan nilai-nilai Islam

tidak berjalan dengan lancarnya. Misalnya, di daerah-daerah, Pegawai-pegawai Daerah hendaklah melaksanakan kegiatan dakwah Islamiah 'Contoh Melalui Teladan' sebagaimana yang dilaungkan slogan itu sesuai, bekerjasama dengan Tuan Kadi dan Jawatankuasa Agama Islam Daerah dan Kerjasama Polis yang amat erat mesti dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, memberi kefahaman yang sungguh-sungguh dalam bidang agama Islam kepada masyarakat sangat perlu, oleh itu bagi pihak pentadbir daerah ada kuasa-kuasa yang ada padanya hendaklah menjalankan melalui atau mengikut saluran dakwah Islamiah. Misalnya, ada kuasa memberi lesen funfair, ada kuasa memberi lesen tanah untuk tapak funfair yang mana disediakan oleh pihak taman hiburan funfair ini beberapa puluh gerai judi, ini tidak termasuk dalam senarai Mahkamah Syariah, tetapi ini ada berkaitan lebih lagi dengan penerapan nilai Islam itu. Jadi, ada berkaitan dengan Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah). Di sana ada berpuluh-puluh gerai bukan sahaja orang-orang muda, tetapi kanak-kanak berjudi, berlatih, lepas satu pekan ke satu pekan diluluskan lesen itu. Jadi unsur-unsur judi ini, dahulu alhamdulillah, pinball telah diharamkan oleh Kerajaan, kalau tidak budak-budak itu mula berlatih billiard jenis pinball itu, sekarang sudah tak ada, sudah diharamkan, alhamdulillah. Lesen-lesen pub Majlis-majlis Daerah dikeluarkan lepas satu ke satu, yang hairannya ada setengah tempat itu tidak difikirkan di depan pub itu ada sekolah menengah, berhampiran dengan masjid, bersekitaran dengan penduduk-penduduk Islam, kampung-kampung Islam. Jadi di sini pun satu kecemaran, tidak payah dibawa ke Mahkamah Syariah tetapi kita fikirlah sendiri apabila waktu tengah malam walaupun Polis kata minum dan layan perempuan sahaja dalam rumah yang

gelap itu, tetapi ada kalanya pihak-pihak yang berkuasa tidak dapat melawat, mengutip wang, cukup \$400 misalnya—'teng' bunyi loceng, adalah bogel 15 minit. Inilah kecemaran-kecemaran yang ada berkaitan dengan kecemaran-kecemaran dalam Undang-undang Islam tidak dijalankan menangkap ini, tetapi inilah berleluasa sekarang, Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Di mana itu Yang Berhormat?

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Berlaku di mana-mana Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat sudah pernah lihat?

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Benda ini saya tak lihat, tetapi saya dengar cerita orang, tetapi mungkin betul (*Ketawa*).

**Tuan Shamsuri bin Md Saleh:** Mesti dipastikan!

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Pasti, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga berkenaan dengan minuman keras adalah kedai-kedai minuman keras, tempat-tempat rumah-rumah menjual minuman keras, kelulusan daripada Pegawai Daerah dan Jawatankuasa Bir dan Arak termasuklah Todi di dalam itu, kalau dapat ditahankan—sudah setakat ini sahaja, tak usahlah di pihak-pihak Negeri, pihak-pihak Federal dan pihak-pihak Daerah tidak ada memberi lagi lesen ini, bukan sahaja dijual di tempat-tempat yang tertutup, di tempat-tempat yang khas kepada minuman ini tetapi ada di gerai-gerai kecil, di kedai-kedai mamak, di kedai-kedai menjual barang-barangan. Jadi budak-budak kecil pernah saya tengok membeli

botol ini bawa balik, siapa hendak? Ayah hendak minum. Inilah latihan. Ini tidak dibawa ke Mahkamah Syariah.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara lagi yang perkara ini berdosa di sisi syarak walaupun perkara ini tidak disenaraikan sebagai bidang kuasa Syariah tetapi adalah pekerjaan yang dilarang dan dikutuk oleh Allah s.w.t., maka pandai-pandailah pihak yang berkuasa menjalankan peranannya. Kadang-kadang ini termesti terdapat misalnya Pegawai Daerah itu warak orangnya dan selalu ke masjid menjaga umat Islam, segala majlis-majlis cara Islam, bertukar pula dia, datang orang lain pula, semasa itu semua pegawainya bertelingkup pakai dakwah, ke masjid kerani-keraninya. Apabila dia ini bertukar, datang Pegawai Daerah lain, sudah cara baru pula, orang-orangnya sudah tak berselindang dan terbuka pula, ini sudah kiblatah ke lain, sudah terbuka kain selindang, ke masjid sudah kurang Pegawai-pegawai Kerani, C.C. dan sebagainya. Inilah perkara yang kita kalau dapat ini lebih dahulu supaya penerapan Islam ini dilaksanakan dengan secepat secepatnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara bagi meninggi dan menaikkan taraf Mahkamah Syariah ini yang pertama saya dapati pandangan masyarakat, jabatan-jabatan pentadbir kepada Mahkamah Syariah ini sangat rendah, seolah-olahnya pentadbiran kadi ini adalah sangat rendah daripada jabatan-jabatan lain, seolah-olahnya lapuk atau second hand. Mahkamah Syariah ini dianggapkan boleh menyelesaikan urusan nikah cerai dan Tuan Kadi itu untuk membaca doa sahaja. Jadi saya syorkan supaya Kadi-kadi ini dinaikkan tarafnya sebagaimana sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat tadi supaya dinaikkan taraf mereka dan kelulusan mereka.

Saya dapati pihak Kadi-kadi ini di dalam satu-satu majlis duduknya pun di belakang, dekat-dekat tiang dan apabila di dalam ucapan di satu-satu majlis juga kadi tadi disebut senarai yang terakhir sekali, selepas pegawai ini, Yang Berhormat ini, Alfadil Tuan Kadi tetapi di akhir sekali. Inilah sebab-sebabnya kerendahan kita dapati kepada kadi-kadi sebagai hakim di dalam pejabat.

Mengenai gaji ini biarlah kita selaraskan dengan kelulusannya. Pada masa dahulu kita telah mengambil Kadi-kadi daripada kelulusan ustaz, Empat Senawi dan sebagainya tetapi kali akan datang kita mengambil kelulusan universiti-universiti sama ada Universiti Islam Antarabangsa, sama ada universiti tempatan yang ada pelajaran Islam (Islamic study) itu dilantik mereka itu tetapi dengan syarat Kadi itu tinggalah dekat namanya Kadi sebagai Majistret ataupun Kadi ini kalau diterjemahkan ialah Pengadil tetapi ada seorang pentadbir lain pula. Saya lain daripada Yang Berhormat dari Ulu Nerus, dia kata hendak ada lain pejabat, satu pejabat tetapi pentadbirnya samalah dengan pentadbir . . . . .

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:**  
Bukan Ulu Nerus, Kuala Nerus.  
Jangan silap.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Jadi satu pejabat, pentadbirnya lain dan Kadi ini sebagai Majistret bolehlah kadi ini melaksanakan kerja Majistret itu, bukan seorang Kadi dan seorang pegawai tadbir di dalam satu Pejabat Agama tetapi Kadi ini bolehlah dia merangkum dua, tiga daerah, Mahkamah Syariah di dua, tiga daerah sebagaimana Majistret di tempat saya. Apabila satu masa dia di Mahkamah Tapah, di Mahkamah Kampar, di Mahkamah Slim River. Begitu dibahagi-bahagikan kerja kerana

bicara ini tidak sepanjang masa tetapi pegawai tadbir ini dia bekerja sepanjang masa untuk melaksanakan kerja-kerja agama di daerah itu.

Tuan Yang di-Pertua sebagai ketua agama daerah, Kadi ini sebagai pengadil tentulah Kadi-kadi lama ini kita bawa mereka ke tempat khusus yang lebih mendalam dan diberi tauliah sebagaimana kata sahabat saya tadi. Jadi dapatlah mereka melaksanakan kerja-kerja di bidang Muamalat ini dengan sempurna. Tetapi ada beberapa perkara yang saya rasa sangat musykil, yang sudah-sudah terdapat perzinahan antara orang kafir dengan orang Islam orang Islam sahaja didakwa.

Saya telah mendengar ucapan sahabat-sahabat saya dan pendapat-pendapat daripada rakan-rakan saya juga menyatakan bahawa orang-orang kafir di dalam negara kita ini ialah kafir 'zimi' dan mereka hendaklah patuh kepada pemerintahan Islam. Mengapa tidak diheret mereka itu dengan orang Islam yang kena zina dan penzina itu dibawa ke Mahkamah Syariah dan dihukum. Kalau hukuman dahulu ialah \$150 mereka tak peduli, boleh bayar, buat lagi, boleh bayar, tetapi kali ini hukuman 3 tahun, \$5,000 denda dan yang berat sekali bagi ini adalah hampir kepada rejam iaitu rotan, 6 rotan. Kalau dirotan di khalayak ramai saya rasa tidak akan berlaku lagi. Gunakan rotan ini. Kadang-kadang orang yang berzina itu pangktnya besar-besar, ah! \$50, tolong bayarkan, sekejap sahaja; tetapi kalau kena tap, rotan Tuan Yang di-Pertua, tidak lagi, minta ampun. (Ketawa).

Ada yang bersekedudukan, dibayar denda juga. Seorang lelaki, seorang perempuan tidak ada ijab kabul langsung. Jadi sudah beranak, berenek hukumnya denda atau penjara atau kedua-duanya sekali boleh bayar, sudah bercucu tak boleh bayarkah?

Ada satu perkara lagi diharap Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengkaji kedudukan-kedudukan yang seperti ini kerana ini adalah sakit jiwa orang Islam mendengarnya. Misalnya apabila orang kafir yang bukan Islam dia masuk Islam kerana hendak berkahwin. Apabila dapat seorang dua anak dia murtad, dia pergi ke tokong balik. Anak sudah ada, cucu sudah ada, ini masukkanlah kira supaya dibawa ke Mahkamah Syariah ini dan dihukum dengan hukuman yang seberat-beratnya, tiga-tiga sekali iaitu dengan membayar \$5,000, 3 tahun penjara dan disebut pula di dalam penjara itu enam kali.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat sudah jadi hakim ini?

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tidaklah. Saya mengharapnkan perkara ini akan dikaji.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** minta dipertimbangkanlah.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Dipertimbangkan, sah. Terima kasih. (*Ketawa*).

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, marilah kita berdoa agar dengan adanya Rang Undang-undang ini dan seorang Timbalan Menteri yang berpelajaran tinggi sebagai bekas pensyarah universiti tempatan akan memberi lebih manfaat lagi sesuai dengan kehendak Kerajaan kita hendak menerapkan nilai Islam di negara kita yang tercinta dan sesuai pula dengan Perlembagaan negara kita bahawa Agama Islam sebagai Agama Persekutuan atau agama rasmi, saya turut menyokong. Wabillahitaufik-walhidayah, Wassalamualaikum, Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.48 ptg.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat (Pengkalan Chepa):** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Rang Undang-undang yang dikemukakan sekarang iaitu Rang Undang-undang Pindaan seksyen 2 Akta 23 tahun 1965, saya ingin menyebut sedikit pendahuluan iaitu. . . . .

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Boleh dekat sedikit dengan microphone Yang Berhormat. Angkat microphone itu supaya dapat didengar dengan jelas.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat:** Saya pun sudah uzur.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Saya faham itu.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat:** Kita jumpa di Mekah.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ya. Silakan.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat:** Satu bahawa Islam sebagai satu cara hidup yang dikemukakan oleh Tuhan yang sama dengan Tuhan yang mencipta manusia. Islam itu telah mengadakan kaedah-kaedah untuk menjaga keselamatan kira manusia. Di antara kaedah-kaedah dan peraturan yang diciptanya ialah denda dan hukuman yang mesti dikenakan ke atas hamba-hambanya yang bersalah. Bersalah mengikut nilai dan kaca mata ajaran Allah dan syariatnya. Mengikut Islam maka denda dan pembalasan yang dikena ke atas pesalah itu adalah dibahagi dua. Satu diberi nama "al-hudud", yang kedua diberi nama "al-takzirat",

“Al-hudud” bererti hukuman yang ditetapkan oleh Allah dan Rasulnya dan dia merupakan perintah tetap yang mesti dipatuhi, tak ada siapa yang boleh berdalih dan berdolak dalik kerana kuasaNya yang mutlak sebagai pencipta ataupun Al-khaliq maka kita sekalian bersama isi alam yang kena jadi dan kena cipta ini tidak ada pilihan lain kecuali terima dan patuh kerana kita menjadi hak kepunyaanya. Dia berhak menghukum dan memerintah ke atas kita apa sahaja hukuman yang ditentukanNya.

Yang satu lagi yang diberi nama al-takzir iaitu hukuman-hukuman yang Allah berikan kita peluang untuk mengurus dan mengaturnya sendiri asalkan tidak lari dari tujuan mengawal dan menjaga muslihat lima perkara yang telah ditetapkan, iaitu akal fikiran, nasab atau titih barih, harta benda, agama dan maruah atau disebut air muka.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan mukadimah ini sebagai mukadimah penting sebagai melahirkan tidak setuju saya yang amat sangat terhadap ucapan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sewaktu membentangkan Rang ini. Beliau menyebut di halaman 68, walaupun Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk menyekat kejadian jenayah di kalangan orang-orang Islam melalui usaha-usaha agama seperti dakwah, ceramah-ceramah agama dan penerangan-penerangan berhubung dengan Agama Islam, namun kes-kes kesalahan jenayah terus berlaku. Dari kata-kata itu bolehlah difahamkan bahawa kerja mendenda dan menjatuhkan hukuman ke atas pesalah itu bukan usaha agama bahkan yang disebut sebagai usaha agama itu hanya berkisar di atas dakwah, ceramah dan penerangan-penerangan berhubung dengan

agama. Sedangkan menjatuhkan denda dan hukuman juga adalah agama sepertimana yang disebut sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Rang pindaan yang kita bahaskan ini walaupun tidak disenaraikan butir-butir jenayah dan kesalahan yang akan dipergunakan Rang ini untuknya tetapi pada hemat saya tentunya terdiri dari hanya denda-denda kesalahan-kesalahan yang termasuk dalam lingkaran al-takzir sahaja, bukan al-hudud yang tidak boleh dipinda-pinda itu sekalipun negara kita masih meminda-mindanya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang diketahui umum bahawa manamana kesalahan atau jenayah itu tidak akan dapat disekat dan tidak akan dapat dihapuskan dengan hanya penggunaan undang-undang sahaja kecuali serentak dengan itu disertakan sama usaha-usaha untuk menyekat dan menghapus semua sumber-sumber yang dikira boleh menjadi punca bagi berlakunya kesalahan dan jenayah tadi kerana Islam itu sendiri bergerak secara “syumul” sepertimana yang kita lakukan ke atas penghisap-penghisap dadah, dengan erti bukan sahaja orang yang menhisap dadah itu kita kenakan hukuman berat sampai mati, tetapi kita kenakan juga ke atas yang mengedar dan memproses dadah ataupun sebagainya, mereka pun kita kenakan hukuman berat juga sampai mati.

Lepas itu kalau juga berlaku, bolehlah disebut luar dari ikhtiar kita. Begitu jugalah keadaan kita sekarang, kesalahan khalwat, rogol, mengajar ilmu salah dan sebagainya selagi undang-undang sahaja kita pindaan dan hukuman sahaja yang kita berat-beratkan, tetapi punca khalwat dan berdua-duaan secara bebas seperti yang ada semakin ketara wujudnya sekarang melalui perfileman, persuratan, nyanyi-nyanyian yang

mengandung senikata yang menghairah tambahan pula dengan video-video lucu, selagi punca-punca dan sumber-sumber kesalahan ini tidak dipinda selaras dengan pindaan Rang Undang-undang ini maka kejayaan yang diharap-harapkan adalah kabur dan tidak akan sampai ke mana-mana.

Untuk mencegah ajaran-ajaran palsu dan ilmu salah misalnya terdapat negeri-negeri yang tidak membenarkan langsung pensyarah-pensyarah agama yang bukan sebulu untuk memberi syarahan agama ditempatnya walaupun mereka datang dengan nama kumpulan yang dikenali tidak melibatkan diri dengan mana-mana pertubuhan yang diragui.

Akhirnya rakyat setempat terpaksa hidup dalam masyarakat terkurung dan dengan sendirinya mereka akan senang sahaja menerima apa sahaja ajaran didedah dan diajarkan kepada mereka walaupun gurunya mendakwa dirinya sebagai "Saidina Ali" atau wali Allah dan sebagainya. Saya minta supaya dibebaskan rakyat dari sekatan-sekatan mencari ilmu, berilah peluang kepada mereka mendengar, mengkaji dan bersoal jawab dengan mana-mana pensyarah, mana-mana penceramah yang berlandaskan Quran dan Hadis dengan sepenuhnya kerana itulah sahaja ajaran yang sebenar.

Kalau peluang yang begini masih dikenakan syarat-syarat yang ketat di bawah bermacam-macam nama dan istilah maka kesan dari undang-undang ini bukan sahaja tidak sampai ke mana-mana tetapi tambah menebalkan lagi kurungan dan pemisahan di antara masyarakat dan aktiviti ilmiah yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya minta dengan pindaan-pindaan seperti ini tidaklah hanya setakat atau sekadar membawa taraf Mahkamah-mahkamah Syariah yang ada sekarang

akan setanding dengan Mahkamah-mahkamah Megistret sepertimana kenyataan yang dibuat oleh pembentang Rang ini tetapi sepatutnya Yang Berhormat itu membuat kenyataan bahawa pindaan ini boleh menyatukan dua jenis kehakiman yang sedang berjalan sekarang, sivil dan syariah supaya menjadi satu corak kehakiman sahaja iaitu syariatullah sahaja. Sekian terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Tidak ada lagi?

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** (Bangun).

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ya, Ahli Yang Berhormat dari Matang yang akhir.

4.55 ptg.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong di atas Rang Undang-undang untuk meminda seksyen 2 Akta 23, 1965 iaitu Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur ke hadrat Allah subhanuhu wa taala yang mana pada hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melantik seorang ahli dalam bidang agama iaitu sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mana tarafnya sebagai seorang Menteri Agama. Kita sedar bahawa negeri kita tidak ada Menteri Agama sepatutnya saya rasa Tuan Yang di-Pertua, memang sudah layak negara kita ini yang mana Islam sebagai agama rasmi maka patutlah jawatan Menteri ataupun Timbalan Menteri dengan dipanggilnya Menteri Agama sebagaimana di negara Indonesia sendiri mempunyai seorang Menteri Agama.

Jadi, di sini berhubung dengan masalah Akta Mahkamah Syariah ini sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa sejak daripada zaman merdeka sehingga ke hari ini, bidang-bidang kuasa oleh pihak kadi yang mana yang kita lihat dan kita tengok sendiri bidang-bidang kuasanya adalah terhad yang mana kita sedar misalnya dalam satu-satu masalah misalnya sebagaimana yang dikatakan oleh Wakil dari Batang Padang tadi, saya beri satu contoh di tempat saya sendiri di Taiping yang mana seorang orang India beragama Hindu kerja pun kerja LLN masuk Islam, ia telah beristeri, anak pun telah banyak, masuk Islam tetapi isteri tidak masuk Islam, anak-anak tidak masuk Islam, daripada Taiping tukar ke Tapah kahwin dengan orang Tapah, orang daripada Wakil dari Batang Padang tadi, masuk Islam kononnya. Cuma borang sahaja masuk Islam tetapi kad pengenalan masih nama yang beragama Hindu.

Kemudian orang itu meninggal dunia, apabila meninggal dunia menjadi satu masalah yang besar, jadi telah berebut-rebut antara isteri pertama dengan isteri yang kedua. Isteri pertama beragama Hindu dan anak-anak pun beragama Hindu, isteri yang kedua isterinya beragama Islam dan anak pun ada dalam tiga, empat orang. Akhir-akhirnya apabila disiasat dalam kad pengenalannya masih beragama Hindu, nama Hindu. Pihak Pejabat Agama tidak ada kuasa hendak kebumikan di perkuburan orang Islam, terpaksa dikebumikan di perkuburan orang yang beragama Hindu.

Inilah yang menjadi satu masalah yang mana saya rasa bidang-bidang dalam Akta Mahkamah Syariah ini hendaklah diketatkan betul-betul sebagaimana dalam hukum-hukum Islam. Saya tidaklah pandai menghuraikan dalam masalah agama sebab saya bukan ahli dalam agama tetapi walau bagaimanapun kita

sebagai Islam, sebab agama Islam ini adalah agama addin, universal. Jadi kita pemimpin atau negara yang mana pemimpin-pemimpin daripada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan banyak lagi bapak-bapak menteri-menteri kita adalah terdiri daripada orang yang beragama Islam, maka pada hari ini adalah tanggungjawab kita sebagai seorang Islam. Selagi kita tidak menjalankan masalah agama ini, kalau kita tidak ikut lunas-lunas Islam yang sebenarnya maka dengan sebab itulah Tuhan balakan bermacam-macam. Ini saya berterus terang bercakap iaitu kita sebagai orang Islam wajib bertanggungjawab, selagi kita tidak melaksanakan, bukan bererti hendak seratus peratus. Kita sedar Kerajaan pada hari ini saya setuju akan menjalankan dasar-dasar Islam peringkat demi peringkat tetapi selagi kita tidak jalankan secara Islam, mengikut landasan Islam yang sebenarnya, selagi itulah segala bala akan diturunkan oleh Allah s.w.t. terhadap masyarakat Islam di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara lagi dalam masalah hukum Mahkamah Syariah ini kadang-kadang Kadi sendiri, ada setengah Kadi tidak berapa faham, tak berani hendak menjatuhkan satu-satu hukuman atau hendak mengambil tindakan. Sebab sekarang ini kita lihat banyak maksiat terutama sekali di sekitar Kuala Lumpur.

Tuan yang di-Pertua, saya ini seorang yang suka merayap, suka merayau kerana hendak dengar, hendak tengok merata-rata tempat di Kuala Lumpur ini. Selain daripada kita dengar di Jalan Chow Kit kita boleh dengar pula bermacam-macam kegiatan rumah "private house" di sana sini tanpa lesen. Orang-orang itu punya tokeh-tokeh, bos-bos itu tak bayar cukai, selain daripada rumah-rumah maksiat, hotel-hotel yang

membayar cukai ada banyak rumah-rumah maksiat, tempat-tempat maksiat seperti "private house".

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Sambil merayap itu tak ada buat percubaan atau eksperimenkah? (*Ketawa*).

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya rasa sebagai seorang Islam kita wajib pergi tengok, kita mesti siasat, selain tugas kita dalam kawasan. Kita mesti tahu, jangan kita cuma dengar sahaja sebagaimana wakil dari Batang Padang, dia dengar sahaja tetapi saya dengar dan saya pergi tengok tetapi tidaklah saya melakukan perkara-perkara yang dikeji dan ditegah oleh Allah SWT.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Itu mengintai tak salah?

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Cuma kita hendak mengetahui dan saya menerangkan perkara ini kepada pihak-pihak yang tertentu. Apabila saya beri tahu mereka senyum sahaja. Seolah-olah mereka bersimpati dengan maksiat. Inilah yang menjadi satu masalah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap mudah-mudahan apabila Akta Mahkamah Syariah ini, yang mana mengikut peruntukan-peruntukan yang tertentu yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mana apabila seseorang itu didapati melakukan kesalahan yang tertentu yang mana hukumannya paling tinggi \$5,000 kemudian hukuman penjara 3 tahun dan dirotan pula 6 kali. Itupun saya rasa terlalu ringan—ringan sangat. Bahkan oleh kerana saya berkata begini mengikut hukuman Islam apabila seseorang itu melakukan zina hukumannya 100 rotan ataupun ditanam sekerat dan dilontar dengan

batu tetapi ada setengah kalangan tertentu mungkin mereka itu dipengaruhi oleh undang-undang penjajah, undang-undang barat yang mana mereka katakan ini zalim. Misalnya, mengenai hukuman pancung. Dengar sahaja perkataan pancung itu, mereka takut, tapi "gantung" tak apa, tak zalim kononnya. Tetapi, Tuan Yang Di-Pertua, hukuman pancung ini kita dengar bunyinya menakutkan sangat, kena kerat dan pancung sekali matinya cepat. Kalau hukuman cara gantung, hukuman sampai mati, kalau dikatakan hukuman gantung, kalau tak mati boleh lepas balik kerana ada pernah berlaku dikatakan hukum gantung, gamaknya orang itu tahan lasak atau orang kata banyak ilmu batin, apabila digantung tiba-tiba tak mati dan dilepaskan balik.

**Seorang Ahli Yang Berhormat:** Cuba dululah.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Ya, saya sendiri cuba gantung, saya mungkin tak mati. Ini saya cakap terus-terang, ini bukan saya hendak cerita, saya minta maaf, saya sebenarnya kalau saya digantungpun akan mati. Ini kuasa Allah, kuasa Allah yang menentukan, kita tak boleh bersifat takbur.

Saya hendak menerangkan, bagi saya kalau orang-orang bukan Islam tak faham, saya tak heran. Yang menjadi masalah orang-orang Islam sendiri tidak memahami, takut sangat kalau kita katakan hendak menjalankan dasar Islam. Mungkin ada pula nanti orang mengatakan Wakil Rakyat dari Matang, daripada Barisan Nasional, itu seolah-olah bercakap macam "suara orang PAS", bukan PAS sahaja memperjuangkan agama Islam. Ingat! UMNO juga memperjuangkan agama Islam. Pemimpin-pemimpin UMNO pun memang memperjuangkan Islam tetapi memperjuangkan dalam serba

serbi sebab kita sedar banyak berlaku, ada setengah-setengah orang PAS baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, dia mengatakan hukuman nikah kahwin. . . .

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat, jangan jauh melencong sangat.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Sebab apa saya hendak cerita sedikit, ada setengah golongan tertentu yang mengatakan sekarang ini hukum nikah kahwin kita dikatakan tak sah, yang dinikahkan oleh kadi dan naib kadi pada hari ini tak sah. Dia berkata di depan saya sendiri. saya tanya, fasal apa tak sah? Dia kata pemerintah sekarang tidak Islam. Kemudian saya bertanya dia balik: Baiklah, saya hendak bertanya tuan, bapak tuan dengan emak tuan dahulu menikah masa zaman siapa? Dia kata zaman orang putih. Jadi apakah hukuman orang putih itu, Islamkah atau kafir? Dia kata kafir. Jadi sanggupkah tuan mengakui bahawa tuan anak haram atau di luar nikah? Merah padam muka dia, sebab hukum syariah itu bukan sahaja terletak kepada pemerintah tetapi juga terletak kepada kita menjalankan Islam seluruhnya. Jadi, kalau hendak ikut, datuk nenek kita dahulu tidak Islam. Itu satu cara jalan hendak membentaras hendak melawan dengan orang ini yang mengatakan kadi dan naib kadi nikahkan tak sah. Itu satu cara lawan dia, tanya dia balik emak bapak dia nikah siapa nikahkan? Kadi dan naib kadi yang dilantik oleh Kerajaan.

Jadi dalam masalah ini saya sekali lagi untuk mengakhiri kata-kata saya ini, saya menyokong Rang Undang-undang untuk meminda seksyen 2, Akta 23, iaitu Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah), 1965. Sekian.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

*5.08 ptg.*

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan syukur saya kepada Allah s.w.t., kepada Ahli-ahli Dewan ini khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Baling, Tanjung Karang dan seterusnya yang telah menyatakan sokongan terhadap cadangan untuk meminda Seksyen 2 Akta 23 (Bidang Kuasa Jenayah), 1965.

Sebelum daripada saya menjawab satu persatu dan sebahagiannya akan saya rangkumkan kerana sebahagian daripada persoalan-persoalan itu terdapat persamaan-persamaannya, ingin saya menyatakan terhadap apa yang telah atau yang baru sahaja dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa mengenai dengan beberapa statements atau kenyataan yang saya sebutkan di waktu persembahan cadangan ini dibuat.

Kalau kita teliti, Tuan Yang di-Pertua, sistem atau cara yang telah diperkenalkan oleh Allah s.w.t. menerusi Kitab Suci Al-Quranul Karim, kita dapati sebahagian besar daripada kandungan Kitab Suci Al-Quranul Karim iaitu secara tepatnya 2/3 kurang sedikit sahaja mengandungi unsur-unsur yang berkaitan dengan akhlak, dengan nasihat dengan kesah-kesah yang memberi panduan kepada umat Islam dan mengandungi tentang cara-cara pergaulan dan bermasyarakat. Hanya lebih kurang 1/3 lebih sedikit sahaja kandungan Al-Quran yang menyatakan tentang hukum. Kalau diteliti kandungan Kitab yang begini rupanya maka sudah tentulah kita faham dan kita akan

mengetahui bahawa approach, dengan izin, yang paling sesuai sekali apabila kita hendak memperkatakan atau hendak mempersembahkan sesuatu kepada masyarakat maka yang paling sesuai sekali ialah dengan mengemukakan nasihat dan memberikan panduan-panduan yang berkaitan dengan moral dan kalau boleh menerusi cerita-cerita yang sudah tentu lebih mudah mengesan masyarakat yang ada di mana-mana sahaja di dalam dunia ini. Maka tidak hairanlah dalam persembahan yang telah saya lakukan semalam telah saya menyebutkan bahawa usaha-usaha yang berbentuk agama yang dimisalkan menerusi syarahan-syarahan dan sebagainya sudah tentulah ia sesuai dengan approach, dengan izin, yang telah kita dapati di dalam Kitab Suci Al-Quran yang menjadi panduan orang-orang Islam. Dan kalau demikian, kalau itu diterima yang sudah tentu kita mesti menerimanya maka saya fikir itulah satu cara yang mesti diikuti dan dicontohi oleh sesiapa sahaja yang ingin meresapkan atau menekankan nilai-nilai Islam dalam masyarakat sama ada masyarakat kecil begini atau masyarakat yang lebih besar di dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan yang terdapat dalam Kitab Suci Al-Quranul Karim ini sekali lagi menunjukkan bahawa aspek-aspek hukum atau aspek-aspek perundangan dan secara khusus perundangan yang berkaitan dengan undang-undang jenayah adalah satu perkara yang mesti diteliti dengan rapi oleh sesiapa sahaja yang ingin memperkatakan tentang Islam. Kerajaan pada masa ini di samping merasa bangga dengan kemajuan dan kelayakan ahli-ahli akademik, pegawai-pegawai dan termasuklah khadi-khadi di seluruh negara yang kita dapati pada masa ini, walaupun demikian, Kerajaan tidak ingin terjebak ke dalam satu perangkap yang boleh ditafsirkan

sebagai tamakkan kepada kuasa untuk menghukum mereka yang bersalah tanpa penelitian yang mendalam. Sedangkan Nabi Muhammad s.a.w., dengan izin, dan para sahabat-sahabatnya telah menunjukkan contoh-contoh yang mesti dicontohi dalam urusan kehakiman khususnya di dalam kes-kes yang berkaitan dengan jenayah.

Contoh-contoh yang terdapat, Tuan Yang di-Pertua, memang banyak. Tetapi bolehlah saya ambil sebahagiannya tentang cara yang dibuat oleh Rasulullah s.a.w., dengan izin, apabila didapati satu kesalahan yang dilakukan pada satu masa dahulu di masa hidup Baginda. Dalam kes zina misalnya, terdapat tiga kes atau tiga pengaduan telah dilakukan kepada Baginda. Dan di dalam pegaduan-pegaduan yang dibuat, kita dapati pada mulanya Baginda Rasulullah s.a.w., dengan izin, tidak terus menerima pengakuan yang dibuat. Dalam kes-kes tersebut ternyata bahawa Baginda kalau boleh menyatakan bahawa dia tidak melakukannya, sehingga terkeluar kata-kata daripada Baginda yang bermaksud: Adakah engkau gila? Jawapan daripada Baginda begini menunjukkan bahawa Baginda tidak mahu mengambil tindakan dengan mudah terhadap sesuatu perkara atau kesalahan yang akibatnya sangat buruk dan keburukan itu nanti bukan sahaja berlaku kepada dirinya tetapi orang-orang yang akan menyambung kehidupannya seperti anak-anaknya, cucu-cucunya dan cicit-cicitnya nanti akan dikenal sebagai orang yang dilahirkan oleh seorang yang telah dihukum dengan hukuman yang berat di dalam Islam.

Sudah tentu banyak lagi hikmat atau rahsia-rahsia lain Tuan Yang di-Pertua, tetapi ini menggambarkan bagaimana sulitnya sesuatu hukuman yang sudah dijelaskan itu perlu diteliti

menerusi acara-acara yang khusus kerana di dalam ajaran yang datang daripada Allah ini tidaklah mudah difahami dengan begitu rupa tanpa dikaji.

Nabi Muhammad s.a.w. pada satu masa untuk membuktikan bahawa penelitian yang mendalam dibuat oleh Baginda apabila hendak menjalankan sesuatu hukuman pernah mengadakan seolah-olah temuduga dengan seorang sahabatnya yang bernama Mu'az bin Jabal. Sahabat ini telah diputuskan oleh Baginda untuk dihantar ke satu kawasan yang bernama Yaman untuk menjadi hakim dan menjalankan keputusan-keputusan dan sudah tentulah perkara-perkara yang akan dijalankan oleh beliau termasuklah urusan-urusan yang berkaitan dengan kes jenayah.

Mu'az bin Jabal ini sebelum pergi telah menghadapi apa yang saya katakan seolah-olah seperti interview atau temuduga. Baginda telah bertanya dan saya hendak menterjemahkan sahaja apakah dialog yang berlaku ini dengan Bahasa Malaysia dengan lebih mudah untuk menjimatkan masa. Tuan Yang di-Pertua.

Baginda telah bertanya bagaimanakah kamu hendak menjalankan hukuman apabila diutuskan ke Yaman nanti. Mu'az bin Jabal ini telah menjawab dengan mengatakan dengan menggunakan Kitab Suci iaitu Kitab Allah. Dan Baginda telah menyusul lagi dengan satu pertanyaan yang lain dengan mengatakan kalau sekiranya apa yang hendak engkau putuskan di dalam hukuman itu tidak didapati di dalam Kitab Suci maka bagaimana? Mu'az bin Jabal telah mengatakan: kalau tidak ada dalam Kitab Suci maka beliau akan menggunakan Hadis atau Sunnah Rasulullah s.a.w. sendiri. Dan selepas itu Baginda telah menyatakan sekali lagi bagaimana pula kalau

sekiranya apa yang hendak engkau putuskan itu tidak didapati di dalam Kitab Allah dan tidak pula wujud dalam Sunnah aku? Maka pada masa itu kita dapati dalam keterangan-keterangan, buku-buku Hadis Mu'az bin Jabal ini menyatakan: "Aku akan menggunakan fikiranku atau dengan lain perkataan yang perlu saya 'quote', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang bermaksud "Aku akan berjihad dengan menggunakan fikiranku dan tidak akan aku mempermain-mainkan dan seterusnya."

Tuan Yang di-Pertua, keterangan yang seperti ini menunjukkan bahawa sistem perundangan dalam Islam khususnya dalam kes-kes jenayah menerusi apa yang berlaku ini membuktikan bahawa ada terdapat tiga perkara pokok yang mesti difaham sebelum kita melaksanakan atau menjalankan sesuatu keputusan yang berkaitan dengan perkara yang berat begini. Pertama ialah kefahaman terhadap Kitab Suci sendiri. Sudah tentulah kalau kita hendak membicarakan Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan cara memahami Kitab Suci kita memerlukan kepada kebolehan yang khusus untuk memahami apakah kriteria-kriteria yang diperlukan untuk membolehkan seseorang itu faham tentang Kitab Suci itu. Sudah tentulah pertama bahasa, yang keduanya rahsia-rahsia bahasa, yang ketiganya sejarah bahasa dan suasana sekitar dan berbagai-bagai lagi sewaktu kitab itu diturunkan.

Di samping itu, seseorang yang hendak menjalankan hukum Allah ini mestilah mengetahui tentang sunnah Rasulullah. Sunnah Rasulullah sudah tentulah bukan sahaja apa yang dikatakan oleh Baginda tetapi apa yang dilakukan oleh Baginda dan segala pengakuan-pengakuan Baginda sendiri yang sudah tentu orang yang memahami perkara ini, yang paling memahaminya, ialah orang-orang

yang hidup sezaman dengan Baginda yang dikenal sebagai golongan Sahabah.

Dan perkara yang ketiga yang mesti kita tahu dan faham ialah tentang bagaimana hendak berjihad, bagaimana kita hendak menguruskan sesuatu yang membolehkan kita membuat keputusan dan barangkali bila menyebut ijihad dengan izin, tuan Yang di-Pertua, sebenarnya adalah merupakan perkataan Arab yang kalau diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia ia merupakan kesungguhan iaitu perbuatan yang memerlukan kepada kesungguhan. Tetapi sesuatu perbuatan yang tidak memerlukan kesungguhan dan boleh dihasilkan tanpa kesungguhan maka usaha yang begitu tidak dinamakan sebagai ijihad. Ertinya orang boleh disifatkan sebagai ijihad atau mujtahid adalah orang-orang yang mampu mengorek rahsia Quran dan mengorek rahsia sunnah dan kalau mereka memenuhi kemampuan ini maka barulah kita merasa lega dan senang hati kalau kita menyerahkan tugas kepada mereka untuk menjatuhkan sesuatu hukum terutamanya dalam kes jenayah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kefahaman sangat sulit kerana dalam Islam sendiri kita dapati kefahaman yang telah diberikan dan dinyatakan dengan jelas oleh Islam ialah kefahaman yang Allah berikan kepada Nabi Daud dan diberikan kepada Nabi Sulaiman. Kefahaman begini juga telah diberikan kepada seorang saksi yang telah melihat baju Nabi Yusof koyak dalam satu peristiwa yang berlaku telah dituduh sebagai bertanggungjawab untuk mengacau, mengganggu seorang isteri di sebuah istana. Tetapi oleh kerana saksi ini melihat baju Nabi Yusof koyak dari belakang maka kefahaman yang ada pada saksi ini fahaman yang mendalam telah melepaskan Yusof daripada dikenakan hukuman kerana

rupa-rupanya baju yang koyak di belakang itu menunjukkan bahawa bukan Yusof a.s. yang mengganggu isteri Raja itu tetapi dia telah diganggu oleh isteri Raja sendiri dan sebab itulah bajunya koyak dari belakang.

Ini menunjukkan bahawa untuk memahami masalah-masalah yang seperti ini sudah tentulah kita memerlukan kepada Latarbelakang yang cukup dan tanpa demikian, maka sudah tentulah kita sebagai seorang Islam yang faham tentang kedudukan ini tidak mahu mudah menerima tanggungjawab yang akan melibatkan kehidupan orang-orang yang akan terlibat dengan sesuatu hukuman lebih-lebih lagi kalau hukuman itu boleh membawa kepada tamatnya riwayat seperti yang akan dihukumkan oleh Allah menerusi hudud sekiranya orang yang melakukan kesalahan yang berat boleh dihukum bunuh misalnya.

Tentulah perkara-perkara yang seperti ini kita dapati banyak tersirat dalam sejarah perkembangan Islam sendiri yang menunjukkan bahawa kefahaman tentang roh syariat, kefahaman tentang Islam menjadi syarat yang sangat penting untuk membolehkan kita menerima dan menjalankan hukuman Allah ini. Sebab itulah saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, di awal tadi bahawa kita Kerajaan yang memerintah Malaysia pada masa ini yang memang berhasrat memperjuangkan Islam tetapi tentulah kita tidak menjadi haloba atau tidak tamak untuk mengambil hak-hak itu dan mungkin kalau terserah kepada orang yang tidak memahami tiga perkara tersebut akan menyebabkan penganiayaan berlaku. Kita terima hukuman itu, kita terima dari segi akidahnya dan kita sekarang berusaha ke arah mencapai matlamat.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soalan-soalan yang akan saya rangkumkan daripada beberapa soalan-soalan Yang Berhormat-Yang

Berhormat, ingin saya nyatakan bahawa pertama mengenai dengan masalah kenaikan taraf Mahkamah syariah dan taraf kadi-kadi. Dalam perkara ini sukalah saya menjelaskan, Tuan Yang di-Pertua, kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang tidak mengemukakan soalan mungkin juga mereka berminat untuk mengetahuinya.

Pada masa ini Kerajaan khususnya Jabatan Perdana Menteri Bahagian Agama sedang giat menjalankan usaha-usaha yang wajar bagi mempertingkatkan taraf Mahkamah-mahkamah Syariah. Sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Agama Islam Malaysia iaitu Jawatankuasa Mengkaji Kedudukan Mahkamah-mahkamah syariah dan taraf kadi-kadi seluruh Malaysia. Lapornya telah dikaji oleh satu Jawatankuasa di peringkat pegawai. Laporan Jawatankuasa ini di peringkat pegawai telah dibentangkan ke dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Agama Islam Malaysia dan Majlis telah membuat beberapa perakuan yang mana pada masa ini dalam peringkat persiapan terakhir untuk dilaksanakan iaitu pertama struktur Mahkamah Syariah akan mengandungi tiga peringkat.

Yang pertama, Mahkamah Syariah.

Yang kedua, Mahkamah tinggi syariah.

Yang ketiga ialah Mahkamah Rayuan dan keterangan ini sekali gus menjelaskan soalan-soalan atau persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Di samping itu kebebasan mahkamah sedang diusahakan untuk diberi jaminan dengan mengadakan peruntukan dalam Perlembagaan Negeri.

Yang ketiga, penubuhan satu Penal Hakim-hakim Mahkamah Rayuan yang dipersetujui oleh Majlis Raja-raja yang ditempatkan di Kuala Lumpur atas tanggungan Kerajaan Persekutuan.

Yang Keempat, mengadakan satu skim perkhidmatan yang dipanggil Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Syariah bagi pegawai-pegawai Mahkamah Syariah iaitu Hakim, Pendakwa dan Pendaftar dengan penyandangannya berkelulusan ijazah dalam bidang syariah dan diploma lanjutan dan juga mempunyai profesion yang tertentu—yang khusus.

Yang kelima, menubuhkan Majlis Peguam Syarii bagi memelihara kepentingan dan disiplin Peguam-peguam Syariah. Ini telah beberapa kali ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dan inilah jawapannya.

Yang keenam, satu peraturan lengkap sedang disusun untuk memastikan supaya prosedur perbicaraan sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, di Mahkamah Syariah setanding dengan prosedur perbicaraan di Mahkamah-mahkamah sivil. Peraturan tersebut telah berada di peringkat draf terakhir yang dikenal dengan Prosedur Mahkamah Syariah.

Yang ketujuh, latihan dan kemahiran yang cukup akan diberi kepada kadi-kadi supaya kes-kes yang diputus akan dihormati dan dipatuhi oleh semua pihak. Untuk itu, Universiti Islam Antarabangsa telah bersetuju untuk mengadakan satu kursus yang dikenal dengan Kursus Diploma lanjutan Undang-undang dan Kehakiman Islam untuk kadi-kadi seluruh Malaysia. Kursus ini dijangka akan diadakan pada awal sesi akan datang dalam tahun 1985.

Dengan penjelasan seperti di atas saya berharap telah dapat juga menjawab perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang yang menyarankan kepada Kerajaan supaya diwujudkan satu Majlis Peguam syarii bagi memelihara kepentingan dan disiplin Peguam peguam Syariah dan saranan Ahli Yang Berhormat supaya diwujudkan satu kursus khas bagi Hakim Mahkamah Syariah di Universiti Islam Antarabangsa.

Berhubung dengan kemajuan dan kerjaya Kadi-kadi ataupun Hakim-hakim Syarii pihak Kerajaan telahpun menyiapkan satu laporan penyusunan semula Majlis dan juga Jabatan Agama Islam Negeri dan laporan ini sedang dalam kajian dan tindakan. Dalam penyusunan semula organisasi Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri pihak Kerajaan juga telah memberikan peruntukan supaya Mahkamah Syariah Negeri-negeri akan diberi pejabat yang berasingan dan dilengkapi dengan alat dan kelengkapan yang moden setanding dengan Mahkamah sivil. Dan saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, tidak akan timbul lagi sungutan-sungutan sebagaimana yang dibayangkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat pada hari ini yang mengatakan ada kadi tanpa telefon.

Yang kelapan, Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas ingin tahu sama ada negeri-negeri di seluruh Malaysia telah melaksanakan Undang-undang Keluarga Islam. Suka saya memaklumkan bahawa Undang-undang Keluarga Islam pada masa ini telah dilaksanakan di sebahagian besar negeri-negeri di Malaysia. Sementara itu berapa buah negeri masih lagi mengkaji undang-undang tersebut untuk dilaksanakan. Saya berharap, insya Allah, Undang-undang Keluarga Islam tersebut akan dilaksanakan oleh semua negeri-negeri di Malaysia tidak lama lagi.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang Di-Pertua. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya minta duduk sekejap dengan kerana tadi telah ada satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang saya telah membenarkan perbincangannya. Di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (3) perkara yang sedang dibincangkan sekarang hendaklah ditangguhkan.

Sekarang saya minta Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengemukakan usulnya.

## USUL

### PONDOK SETINGGAN KAMPONG BERCHAM, IPOH

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bahawa Dewan yang mulia ini, hari ini ada memberi izin untuk membicarakan satu perkara yang penting, segera dan demi kepentingan orang ramai iaitu mengenai tindakan polis terhadap setinggan-setinggan di Kampung Bercam semalam.

Semalam boleh dikatakan satu hari yang memalukan untuk Malaysia oleh kerana seramai 1,000 orang F.R.U. yang dilengkapi dengan tear gas canisters, wicker dan baton, dengan senapang dan pun ada pasukan Field Force dengan sub-machine guns adalah digunakan terhadap lebih kurang 500 setinggan-setinggan yang termasuk pesakit, perempuan, kanak-kanak seolah-olah mereka dianggap sebagai penjenayah, pengganas ataupun binatang tanpa hak-hak manusia. Sebenarnya apa yang mereka mahu ialah untuk mempertahankan hak asasi mereka mengadakan rumah, mengadakan roof di atas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tear gas ada dilepaskan dengan sewenang-wenangnya terhadap mereka dan perempuan-perempuan pun ada menjadi mangsa kekerasan apabila mereka dihalau dengan paksa daripada rumah-rumah mereka. Saya ada di sini semalam. Saya rasa dalam perkara ini pihak polis Malaysia dan kita sebagai rakyat Malaysia tidak ada perkara yang boleh rasa bangga daripada tindakan polis di Kampung Bercham dan sebagai Ahli Parlimen dan sebagai Dewan yang tertinggi dalam sistem Parliamentary Democracy kita patut mempunyai perasaan keberanian, perasaan patut tidak patut dan keberanian untuk menyuarakan kutukan yang sekeras-kerasnya ke atas tindakan pihak polis dalam perkara Kampung Bercham supaya perkara ini tidak akan berulang lagi.

Masalah setingan sebenarnya ialah masalah perumahan dan satu masalah sosial, bukan satu masalah jenayah dan patutlah dikendalikan oleh agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dan bukan oleh agensi-agensi untuk menguatkuasakan jenayah. Semalam selepas saya mengambil bahagian dalam perbahasan di Dewan ini, saya dengar mengenai perkara Kampung Bercham. Bersama-sama dengan Yang Berhormat dari Jelutong kami pergi ke Kampung Bercham. Sampai di Kampung Bercham hampir pukul 10.40 malam dan kami pun pergi ke tempat di mana pagi semalam ada berlaku tindakan polis, masa itu lebih kurang pukul 11.30 hampir tengahmalam dengan lain-lain anggota-anggota pemimpin DAP termasuk Ahli Yang Berhormat dari Kepayang di mana termasuk kawasan Kampung Bercham iaitu Yang Berhormat Encik Lau Dak Kee.

Kami tengok gas canisters yang dilepaskan, gas casings dan inilah casings dan gas canisters yang boleh terdapat di kawasan itu. Saya ada

bawa sedikit gas canisters, lebih kurang 20 casings dan 5 canisters. Saya bukan pakar dalam perkara ini, saya tidak pernah tengok gas canisters, mungkin ini yang belum meletup, siapa tahu, tetapi saya rasa ini perlu untuk Ahli-ahli Yang Berhormat faham, dengan izin, atrocity yang berlaku semalam di kawasan Kampung Bercham di mana orang ramai, orang tua, muda-mudi, perempuan boleh menyuarakan bagi pihak kepentingan mereka.

Malangnya daripada reaksi beberapa Ahli Yang Berhormat, khasnya Ahli UMNO tadi, nampaknya ada satu sikap yang rasa isu yang lebih mustahak ialah kenapa saya membawa tear gas canisters dan Casings ke dalam Dewan yang mulia ini, bahawa ini bahaya, bahawa keselamatan mereka terancam dan bukan untuk memerhatikan kesusahan, penderitaan yang dihadapi oleh perempuan-perempuan, orang tua, pesakit, kanak-kanak di Kampung Bercham semalam.

Sebenarnya tear gas casings ini bahaya, di mana conscience Ahli-ahli Parlimen—tidak ada. Masalahnya bukan casings ini dalam Dewan ini, tetapi masalahnya ialah 500 orang semalam kena dilepaskan beratus gas canisters bukan oleh kerana mereka salah jenayah, penjenayah atau pengganas tetapi oleh kerana mereka miskin tidak ada rumah. Kalau mereka kaya seperti ramai Ahli-ahli Parlimen di dalam Dewan ini, khasnya daripada UMNO dan MCA, tentulah tidak timbul masalah setingan, tentulah tidak timbul masalah gas canisters atau gas casings. Di mana social conscience dan jangan main-main di atas perkara ini.

Saya tidak hairan kalau ada Ahli-ahli Parlimen dari UMNO akan berdiri dan berkata bahawa sayalah musuh Parlimen, mahu explode, mahu letupkan Parlimen, mahu rosakkan Parlimen, saya tahu pihak

opportunists sentiasa cakup semacam ini dan mungkin mereka mencadangkan supaya saya ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut saya mahu kata patutlah rasa malu bahawa mereka bersikap semacam begitu adalah tidak bertanggungjawab dan tidak ada rasa tanggungjawab sosial, tidak ada rasa consciene dan sebenarnya mereka tidak layak duduk di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya rasa jadi satu tragedi Malaysia di mana untuk rakyat Malaysia semua bangsa kalau Ahli-ahli Parlimen mahu mementingkan masa dalam perkara ini mengenai gas canisters dan casings yang saya ada bawa dan bukan masalah-masalah rakyat. Saya mahu tanya Ahli-ahli Parlimen, mereka dipilih untuk menjaga kepentingan siapa—rakyat atau mereka sendiri? Saya harap bahawa Ahli Parlimen dari pihak UMNO tidak akan mengambil pendirian bahawa pihak polis ada hak yang sepenuhnya untuk menggunakan kekerasan untuk lepaskan tear gas canisters dengan sewenang-wenangnya terhadap setinggan-setinggan. Kalau begitu mungkin Yang Berhormat dari Balik Pulau juga akan mencadangkan bahawa F.R.U. dan tear gas canisters digunakan terhadap setinggan-setinggan di Sungai Nibong Kecil di mana ada lebih kurang 300 keluarga setinggan-setinggan semua orang Melayu. Adakah ini pendirian UMNO MPs, gunakan tear gas canisters untuk setinggan-setinggan orang jahat atau akankah Ahli-ahli Yang Berhormat dari UMNO ada dua fikiran terhadap setinggan-setinggan Sungai Nibong Kecil tidak boleh gunakan. Saya harap tidak ada pendirian semacam ini. Harap boleh bertanggungjawab bahawa untuk semua setinggan, kita ada tanggungjawab untuk menjaga kepentingan kemanusiaan mereka. Tidak boleh menggunakan kekerasan polis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun. Atas Standing Order apa?

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Nerus):** Atas S.O. 36 (6) seorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain. Ahli Yang Berhormat tadi telah berucap mengatakan kalau perkara ini berlaku kepada orang-orang Melayu, Ahli-ahli Parlimen daripada UNMO akan menentang dan ahli-ahli UMNO menganggap tidak mengapa kalau berlaku kepada orang Cina, orang India dan sebagainya. Ini merupakan satu perkara yang impute, sangkaan buruk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa begitu juga. Saya minta supaya Yang Berhormat dari Kota Melaka 'go slow' sedikit dalam perkara-perkara yang boleh menjadi sensitif.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu menjelaskan bahawa saya tidak membuat apa-apa sangkaan. Tetapi saya kata bahawa janganlah kita beri orang fikiran bahawa ada setengah pemimpin-pemimpin ada bersikap bahawa untuk segolongan tidak apa, jangan, jangan. Bahawa saya boleh dengar nanti Ahli-ahli Yang Berhormat daripada UMNO boleh berdiri mengatakan menggunakan tear gas canister terhadap setinggan-setinggan Kampung Bercham tidak patut, tidak boleh dibenarkan. Adakah berani? kalau berani berdiri, saya beri jalan.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** (Bangun).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat jangan challenge sesiapa. Yang Berhormat minta mengemukakan usul, bukan challenge, hendak membuat peraduan apa-apa di sini. Sila kemukakan usul dengan tenang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, cabaran tidak boleh elak kalau ada orang-orang yang mahu interject. Usul saya ialah bahawa Dewan yang mulia ini untuk mencegah insiden Kampung Bercham berlaku di masa depan dan mengutuk tindakan polis di Kampung Bercham semalam mereka dengan sewenang-wenangnya ada melepaskan tear gas canisters dan untuk menyeru kedua-dua Kerajaan Federal dan State mengadakan satu penyelesaian yang humane, yang berperikemanusiaan dari segi sosial terhadap masalah-masalah setinggan-setinggan.

Di sini saya berharap bahawa kita semua boleh memandangkan perkara ini dari segi kemiskinan, segi kemanusiaan, tidak dari apa-apa segi perkauman. Kalau ada orang yang mengatakan ini adalah alat senjata bahaya, tadi saya ada dengar senjata bahaya. Kalau itu senjata bahaya apabila saya dan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pergi ke Bercham untuk mengambil perkara itu, itu adalah perkhidmatan public oleh kerana kalau ditinggalkan di sana budak-budak, orang-orang yang tidak berdosa, mungkin boleh cedera, patut puji tindakan kita untuk membawa ke sini boleh dibawa kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri dipulangkan kepada rightful authority. Sebenarnya untuk perkara semacam ini, pagi pukul 4.00 baru saya balik dan sampai sekarang saya belum tidur. Itu menunjukkan serius, patut kita serius dalam perkara semacam ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta jangan mengganggu. Biarlah kerana kita ada sejam sahaja dan barangkali ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain hendak bercakap.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, inilah gas canisters di mana ada shelf-life semua tidak boleh

diguna selepas satu tarikh. Ini tidak boleh diguna selepas Oktober 1974—itulah sebab kenapa tadi Yang Berhormat dari Kepong datang untuk check, bukan untuk apa-apa tetapi ada orang mahu main-main kuasa—ini tidak boleh diguna selepas 1978 dan ini tidak boleh diguna selepas 1977. Apa kesan tidak boleh gunakan. Saya dapati ada dua kemungkinan, mungkin tidak boleh meletup dan kedua, mungkin tear gas menjadi gas beracun. Mana tanggungjawab pihak yang berkuasa? Manusia, orang-orang setinggan, bukan penjenayah dan penganas.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya membawa gas canisters dan casing ini harap boleh memeranatkan Dewan yang Mulia ini, oleh shock Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini mengenai apa yang menimpa squatters di Kampung Bercham supaya kita boleh mencapai satu penyelesaian bahawa di masa depan semua setinggan-setinggan tidak kira apa kaum orang Cina, orang Melayu, orang India tidak menghadapi layanan semacam ini dan untuk menjaga kepentingan setinggan-setinggan sekurang-kurangnya sejuta orang dalam Malaysia orang miskin, orang susah, jenayah mereka ialah mereka miskin, orang susah tidak ada lesen, tiada permit, tiada hak istimewa, tidak kira apa kaum. Kalau tujuan ini boleh shock Kerajaan sekurang-kurangnya boleh memeranatkan Dewan yang mulia ini untuk mengambil tindakan yang lebih humane di masa depan sungguhpun saya menghadapi apa-apa consequence oleh kerana perkara ini, saya rela menerima, personally saya rela menerima apa-apa consequence. Oleh kerana inilah untuk setinggan-setinggan sejuta orang semua kaum di Malaysia. Mahu penjara untuk contempt of Parliament, terus penjarakan. Conscience saya, Tuan Yang di-Pertua, jelas dan jernih. Apa saya buat ialah untuk menunaikan

tanggungjawab saya kepada negara, kepada rakyat Malaysia. Sebab itu saya tidak takut apa-apa hujah-hujah bahawa ini bahaya, ini jahat, tidak takut.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap bahawa Dewan yang mulia ini boleh menumpukan isu di hadapan kita ialah masalah-masalah setinggan-setinggan 500 orang di Kampung Bercham. Apa yang mereka alami semalam daripada tindakan pihak polis dan bukan lain-lain kecil-kecil yang tidak kena mengena. Kita patut mengutuk tindakan pihak polis termasuk penahanan sembilan orang semalam dalam gerakan Kampung Bercham pihak polis atas sebab bahawa mereka mahu menghalang pegawai-pegawai umum untuk menjalankan tugas legal mereka.

Tuan Yang di-Pertua, apabila orang-orang miskin menghadapi masalah akan hilang rumah kecil yang mereka di mana mereka ada mendiami 10-15 tahun, apa reaksi akan ada. Tentu mereka akan mempertahankan, mungkin daripada segi law salah, tetapi kita pun ada kosep natural law di mana ada basic, natural right untuk tempat duduk, basic natural right dan kalau paksa, manusia tiada lain jalan tentulah mereka akan mencabar undang-undang yang direka oleh manusia yang tidak adil dan tidak patut. Janganlah kita memaksa masyarakat kepada satu keadaan semacam ini. Kerajaan ada tanggungjawab untuk mengatasi masalah sosial, masalah kemasyarakatan mereka. Saya di sini bukan advocate, nanti orang kata Yang Berhormat dari Kota Melaka sekarang jadi champion lawlessness, bukan. Tetapi kita perlu timbang, perlu ambil perkiraan.

Kampung Bercham incident, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak perlu berlaku kalau ada pimpinan yang matang, yang masak yang boleh mengelakkan satu konflik.

Sebenarnya dalam pilihanraya kecil Kepayang pada Oktober, 1982 Menteri Besar ada memberi satu jaminan dalam pilihanraya kecil itu kepada setinggan-setinggan di Kampung Bercham bahawa mereka akan diberi 20 ekar tanah untuk lot perumahan kepada 142 orang—dan di sana baru ada 64 orang sahaja—untuk relocate mereka dan mereka yang ada mengadakan kegiatan-kegiatan pertanian, lain tempat di mana mereka boleh teruskan tetapi tidak menunaikan janji itu. Dan pada 21hb Ogos tahun ini satu delegasi yang diketuai oleh Yang Berhormat dari Kepayang iaitu Yang Berhormat Lau Dak Khee lagi jumpa Yang Berhormat Menteri Besar dan beliau lagi sekali jamin akan beri housing lot untuk setinggan-setinggan di Kampung Bercham, pada mulanya TOL selepas itu boleh mohon menjadi lease dan mereka yang ada pertanian pun ada lain tempat.

Tetapi pada 1hb Oktober datanglah pasukan-pasukan daripada Pejabat Tanah dan pihak Polis yang mahu runtuhkan rumah-rumah. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak menggunakan kesempatan untuk jawab balik selepas daripada Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, untuk lima minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau begitu jangan panjang-panjanglah kerana ada tujuh minit lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Dengan sebab itu beliau jumpa dan ada lagi satu perjanjian tempohkan masa satu minggu dan tetap satu tarikh pada 17hb Oktober untuk berjumpa dengan Menteri Besar untuk bincang masalah ini. Tetapi kenapa semalam ambil tindakan lagi pecah janji.

Pada hari semalam pun di Kampung Bercham, ADO III pun ada memberi jaminan dan selepas itu memutar belit. Dan sebab itu tercetus perkara di Kampung Bercham di mana kita semua tahu apa yang berlaku.

Saya harap bahawa perkara ini boleh dipandang dari segi kemanusiaan, sosial dan jangan lagi menggunakan Polis untuk mengatasi masalah setinggi-setinggannya. Pihak Polis digunakan untuk jenayah-jenayah sahaja. Dan saya harap nanti boleh menggulunglah. Terima kasih.

*(Beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat bangun).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap. Siapa yang menyokong?

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong hendak bercakap?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menyokong sahaja?

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bagan Datok.

5.54 ptg.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pihak Polis yang telah menjalankan tugas dengan begitu baik dan sempurna di atas tanggungjawab mereka sebagai yang diamanahkan

oleh Kerajaan bagi menjalankan sesuatu tugas untuk kepentingan negara dan kepentingan rakyat.

Saya ingin menolak segala cadangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi semasa mengemukakan satu usul mengutuk dengan sekeras-kerasnya di atas perkara yang berlaku di Kampung Bercham pada hari semalam.

Sebenarnya apa yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang atau Yang Berhormat dari Kota Melaka ini pada hemat saya sangatlah jijik dan keji, tidak ada bermakna langsung oleh sebab pada saya ini bukan satu isu, ini bukan pembelaan untuk rakyat dan untuk negara. Ini hanya semata-mata dikemukakan untuk mencari publisiti murah yang sudah tidak bermoral dan tidak ada bermodal langsung kepada parti DAP. Sebab kalau beliau itu faham tentang undang-undang di dalam negara kita ini, saya suka menjamin bahawa ketua pemerintah negeri saya, Negeri Perak, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ramli Haji Ngah Talib sebagai Menteri Besar dan Ketua Polis Negara yang menjalankan tugas serta pasukan-pasukannya.

Yang amat Berhormat Dato' Seri Ramli Haji Ngah Talib sebagai Menteri Besar adalah seorang daripada peguam yang tahu undang-undang. Begitu juga Ketua Polis Negara yang menjalankan tugas-tugas dengan pasukan Polisnya adalah berlandaskan undang-undang.

Kalau Ketua Pembangkang iaitu Wakil dari Kota Melaka tahu undang-undang—saya sendiri bukan seorang peguam tetapi saya tahu undang-undang—mengapa beliau membawa usul ini. Kerana pada sayalah kalau kita melihat kejadian-kejadian yang berlaku di dalam negara kita ini, di Kuala Lumpur misalnya, atau di mana sahaja, misalnya satu kematian pembunuhan yang berlaku di hadapan

Pertama Complex oleh perompak-perompakkah, penyamunkah; sama ada perompak datang daripada yang dihasut oleh parti pembangkang DAP saya tidak tahu—mati. Satu nyawa warganegara habis. Itu merupakan satu kerugian kepada negara. Tidak pun dibawa untuk dikemukakan sebagai satu kepentingan awam (public interest). Itu satu contoh.

Satu lagi contoh, seorang pegawai Telekom, orang Melayu mati ditembak di Jalan Chow Kit kalau tidak salah saya oleh perompak atau penyamun saya fikir ini pun datang daripada subversif-subversif, anti-nasional yang digalakkan oleh parti pembangkang.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta jalan.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Boleh.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah membangkit perkara tembak menembak sehingga mati di kompleks membeli belah di Kuala Lumpur dan saya berharap pihak Kementerian Dalam Negeri akan menjawabnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan, jangan hilangkan masa.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Itu soal lain. Saya katakan tadi tidak dibawa usul seperti yang dibawa sekarang ini. Dan apa yang saya katakan tadi kematian seorang pegawai Melayu tidak pun dikemukakan oleh Ketua Pembangkang. Ini merupakan satu nyawa. Inilah yang sangat penting.

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta duduk, ada point of order kena duduk dulu.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Baik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidaklah patut impute satu sangkaan yang jahat dan yang kedua tidak patut menimbulkan perkara yang boleh membangkitkan perasaan ill-will di kalangan kaum-kaum oleh kerana ada satu imputation bahawa oleh kerana itu tidak bangkit, sebenarnya ada bangkit, perkara yang melibatkan orang Melayu tidak mahu bangkit perkara yang melibatkan orang bukan Melayu bangkit, itu tidak benar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat 36 (10) tadi saya kata pada Yang Berhormat dari Kota Melaka, minta slowkan sedikit kerana itu akan menjadi sensitif, begitu juga Yang Berhormat dari Bagan Datok jangan mengeluarkan sesuatu perkara yang boleh menjadi sensitif. Sila teruskan.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Polis juga mati ditembak, pun tidak dibawa di dalam Dewan ini oleh Ketua Pembangkang ataupun parti DAP. Dan kes berkesan dengan Bercham, Kerajaan menjalankan tugas untuk memberi satu rancangan perumahan untuk rakyat yang terusan, termasuklah setinggalan-setinggalan itu. Tindakan Polis dan Kerajaan Negeri tentulah telah dijalankan dengan teliti, diberi amaran bukannya sekali, 2-3-4-5-6 kali dipujuk, dihantar surat, suruh keluar dengan baik, bukan dengan tindakan yang melulu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Kalau difikirkan sama ada kepentingan setinggalan itu ataupun kepentingan rakyat termasuk setinggalan itu nanti yang mana akan mendapat faedah daripada rancangan perumahan yang akan dijalankan oleh Kerajaan itu terhadap rakyat itu dan

di atas tindakan Polis itu pun tidak ada yang berlaku kematian dan sebagainya.

Tadi Ketua Pembangkang itu ada membawa gas pemedih mata oleh Polis, saya tidak pasti sama ada barang yang dibawa itu datang daripada Bercham ataupun daripada ibu pejabat DAP Kuala Lumpur—saya tidak tahu (*Tepuk*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, on a point of order lagi, saya minta perkataan itu ditarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan memikirkan dia bawa daripada tempat lain, yang itu improper motives. Jangan kata begitu jika sekiranya kita tidak ada keterangan yang dia bawa daripada tempat lain. sila teruskan.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan yang di-Pertua, sebab dia membacakan itu untuk tahun 70 berapa, sudah lama sangat, jadi kalau Polis mengiringi dia ke Bercham. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta jangan. . . . .

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** . . . . dan membawa perkara ini, barangkali adalah saksi-saksinya. Mengikut apa yang saya tahulah daripada segi undang-undang hendak masuk ke dalam Parlimen mesti laporkan kepada Polis yang menunggu di pintu sana, tunjuk barang ini, bolehkah atau tidak saya bawa dalam Parlimen. Rasa saya, saya ini bukan seorang ahli peguam yang tidak tahukan undang-undang, tetapi Wakil Rakyat boleh tahanlah kalau hendak berhujah dengan Ketua Pembangkang bukan taraf saya, ertinya bukan taraf saya, kalau begini caranya dia mengemukakan Usul dalam Dewan ini. Dan saya terus menekankan sekiranya beliau membawa alat itu tidak dengan kebenaran pihak Polis

yang menunggu di pintu Dewan kita yang mulia ini, maka beliau telah melakukan satu kesalahan yang mesti diambil tindakan undang-undang oleh Menteri Dalam Negeri—ini cadangan saya. Cara mana undang-undang dan tindakan itu hendak diambil, kata dia sanggup dipenjara dan sebagainya, itu saya tidak berapa suka hendak dengar, kalau boleh dilucutkan daripada warganegara ini biar dia jangan duduk dalam Parlimen Malaysia, sebab tidak memberi makna lansung sebagai Ketua Pembangkang, biarlah membangkang, mengemukakan suatu Usul sebagai seorang warganegara yang benar-benar baik. Ini sepanjang Dewan yang saya ikut, saya duduk di sini mendengar, kalau boleh biarlah sihat macam cara—saya memuji jugalah yang sebelah dia itu, Wakil dari Kuala Lumpur Bandar, fikirannya dia sebagai seorang (*Tepuk*) pembangkang, ini yang kita hendak, kita bukan tidak hendakkan Ketua Pembangkang. . . . .

**Tuan Lee Lam Thye:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** adakah Yang Berhormat hendak bantah yang itu?

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya rasa tidak perlu menyebut nama saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** tidak perlu.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Sebenarnya saya sebut tadi Wakil dari Kuala Lumpur Bandar, bukan nama beliau. Jadi begini, Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir dan Menteri Kabinet serta Kerajaan kita berkehendakkan parti Pembangkang dan Ketua Pembangkang, sebab itu elau Ketua Pembangkang lebih daripada kita Ahli-ahli Parlimen.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta bercakap di atas Usul, jangan bercakap di atas perseorangan, barangkali ada yang

lain-lain hendak berucap, saya minta jikalau tidak ada benda-benda yang hendak diucap minta tamatkan.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, saya fikir ini saya sudah mewakili Barisan Nasional yang lain ini, jadi bagi peluang saya bercakap setengah jam pun tidak apalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kalau saya keterlaluan bercakap membangkang Usul yang dibawa oleh Ketua Pembangkang ini tadi oleh kerana kepentingan negara dan kepentingan rakyat dari segi apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan juga bagi pihak Polis itu menunjukkan dan membuktikan bahawa perkara yang dilaksanakan itu adalah dari segi undang-undang dan tidak bercanggah dengan undang-undang.

Saya mempunyai keyakinan penuh bahawa pihak Polis yang sentiasa menjaga keamanan negara kita ini sentiasa melaksanakan sesuatu tindakan mereka itu setelah dipertimbang, dikaji dengan sehalus-halusnya. Kalau benarlah, katalah, benar pemedih mata telah digunakan oleh Polis, itu bukanlah kehendak dan kesukaan hati pihak Polis hendak menggunakan pemedih mata, tetapi sebaliknya terpaksa sah saya sebut golongan pelampau-pelampau (opportunist) dan sebagainya. Pelampau-pelampau ini pula ditiupkan semangatnya oleh parti-parti pembangkang yang tidak bertanggungjawab, ini seringkali diterangkan oleh Timbalan Perdana Menteri kita selaku Menteri Dalam Negeri. Kesempatan ini diambil oleh parti pembangkang untuk mengecam Polis, untuk mengecam Kerajaan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, barangkali ada Ahli Yang Berhormat yang lain-lain hendak diberi peluang berucap, Yang Berhormat mengulang-ulang perkara itu banyak kali, seperti mengikut undang-undang sudah banyak kali, 3 kali saya ingat.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Baik, Tuan Yang di-Pertua, saya akan memendekkan ucapan saya..

Akhirnya, saya sukalah menyatakan bahawa saya berdiri dengan setegas-tegasnya membangkang atas Usul yang dikemukakan oleh wakil daripada Kota Melaka ini, oleh kerana Usul yang dibawanya itu tidak bertepatan ataupun tidak begitu menyenangkan sekali oleh kerana dimulakan dengan perkataan mengutuk pihak Polis dengan sekeras-kerasnya.

Saya memandangkan bahawa Kerajaan Negeri dan pihak Polis adalah menjalankan tanggungjawabnya mengikut undang-undang, dan diberi kuasa kepada mereka itu, sebaliknya di dalam menjalankan kuasa itu juga mereka sentiasa menjaga keselamatan bagi orang-orang miskin, orang-orang tua, orang susah yang disebutkan oleh beliau itu sedikit pun tidak terjejas dan ini sentiasa dijaga dan dipelihara oleh Kerajaan dan juga pihak yang memerintah.

6.09 ptg.

**Tun Peter Chin Gan Oon (Ipoh):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya rasa dukacita atas kejadian di Kampung Bercham semalam dan bersimpati dengan keadaan dan masalah setinggan-setinggan di kampung tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku di Kampung Bercham sebenarnya tidak patut berlaku, jika tiada ahli politik yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan untuk mengeksploitkan perkara ini. *(Tepuk)* Ini adalah satu hakikat oleh kerana saya sudah berjaya menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh separuh setinggan-setinggan di Kampung Bercham iaitu 130 ekar tanah di Hulu Pia, Kinta telah diketepikan oleh Kerajaan Negeri Perak untuk setinggan-setinggan petani di Kampung Bercham.

Masih ada lagi masalah dengan sebanyak 64 buah rumah setinggan yang belum lagi diselesaikan. Tentang perkara ini saya telah berjumpa dengan setinggan-setinggan yang terlibat pada 4hb Oktober baru-baru ini dan saya telah memberitahu mereka bahawa saya akan berusaha untuk menolong mereka. Jika tidak ada orang mengeksploitkan isu ini, saya yakin masalah ini seperti masalah yang dihadapi oleh setinggan-setinggan petani yang saya sebutkan sebentar tadi di mana mereka telah diberi tanah lain boleh diselesaikan dengan secara saksama. *(Tepuk)*.

6.11 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang yang telah memberi peluang kepada Kerajaan dengan membawa usulnya untuk menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan dengan sekali gus juga menyelesaikan perkara-perkara yang dilaporkan melalui suratkhbar-suratkhbar pada hari ini.

sebenarnya inilah kali yang pertama pihak Pembangkang dapat diberi peluang untuk membawa usul seperti

ini. Ini menunjukkan sifat Kerajaan yang tidak takut kepada tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh Parti Pembangkang. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan!

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Saya hendak menjawab, beri saya chance pula.

Sebenarnya perkara ini ialah satu perkara yang biasa yang berlaku semalam di mana mengikut apa yang didengar oleh kita yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang tadi seolah-olah pihak Polis telah bertindak dengan sikap yang berketerlaluan dan menyebabkan kesusahan kepada orang ramai.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini latar belakang kepada peristiwa ini berlaku awal daripada itu, iaitu pada bulan Februari lagi, tahun ini, Kerajaan Negeri Perak telah mengeluarkan notis kepada semua setinggan yang terdapat di Kampung Bercham untuk mengosongkan rumah mereka sebanyak 64 buah rumah dan selepas itu beberapa dialog diadakan di antara Kerajaan Negeri Perak dan juga pihak setinggan dan juga pihak Pejabat Tanah dan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan juga Ahli Yang Berhormat dari kawasan Buntong telah memainkan peranan yang begitu penting sepertimana yang dilaporkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa Kerajaan Negeri Perak telah bersetuju untuk memberi tanah sebagai gantian sebanyak 160 ekar tanah di Ulu Piah kepada mereka yang ingin menjalankan kegiatan bercucuk tanam di sana dan kepada mereka yang ingin berpindah kerana tempat itu akan dijadikan sebagai Rancangan Rumah Kilat, keutamaan akan diberi kepada mereka. Malangnya, sepertimana yang dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, ada pihak-pihak tertentu terutamanya Parti DAP

yang mengeksploitasikan keadaan itu dan mengambil kesempatan untuk mencari publisiti yang murah.

Sebenarnya apa yang berlaku semalam pada jam 8.30 pagi satu Pasukan Polis terdiri daripada 2 Troop FRU seramai 128 orang yang dibantu oleh satu Troop PORU (Public Order Riot Unit) yang terdiri daripada 44 orang dan juga dibantu oleh beberapa orang Anggota Polis Tugas Am yang kesemuanya berjumlah tak lebih daripada 250 orang membantu pihak Pejabat Tanah untuk mengambil tindakan merobohkan 42 buah rumah setinggan di Kampung Bercham, Ipoh. Tetapi malangnya, oleh sebab keadaan diambil peluang oleh pihak-pihak Pembangkang, terdapat lebih kurang di antara 2,000 hingga 2,500 orang yang sedang menunggu kedatangan pihak Polis. Pihak Polis mula-mulanya mengambil tindakan untuk menyuaraikan orang ramai dengan memberi amaran melalui 'loud hailer', tetapi malangnya orang-orang selain daripada pihak setinggan itu telah melontar kayu, batu dan botol kepada pihak Polis yang mencederakan seorang Polis, iaitu Konstabel 64859, Zainal bin Bidin yang cedera di kepalanya dan laporan Polis telah dibuat. Selepas 5 minit barulah pihak Polis mengambil tindakan dan menembak sebanyak 180 round gas pemedih mata untuk menyuaraikan orang ramai di situ.

Perlu saya menegaskan di sini bahawa tindakan Polis yang diambil ialah mengikut cara-cara yang selalunya diikuti oleh pihak Polis, walaupun pihak Polis bersenjata tetapi tidak satu das pun dilepaskan melalui senjata selain daripada letupan gas pemedih mata tadi. Seorang awam telah membuat laporan bahawa traktornya telah rosak akibat kena lontaran batu dan kayu dan satu laporan Polis juga dibuat di Balai Polis berdekatan oleh seorang wanita

bangsa Cina juga membuat laporan kerana mendapat kecederaan sedikit di atas kepalanya. Jadi, dalam kejadian tersebut hanya 3 laporan Polis yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita perhati kepada gambar-gambar yang didapati dalam suratkhbar *The Star* kita boleh berasa yakin bahawa pihak polis menjalankan tugas dengan tanggungjawab dan terdapat 2 gambar dalam suratkhbar yang disebutkan tadi di mana 2 orang wanita yang tindakan perlu diambil terhadap mereka yang mana hanya Polis Wanita sahaja yang menangkap orang-orang wanita. Gambar ini bukan ditangkap oleh pihak Polis, ditangkap oleh Pemberita-pemberita, ini memang jelas kepada orang ramai. Jikalau pihak Polis hendak menggunakan kekerasan, tak mungkin pihak Polis menggunakan Polis Wanita untuk menangkap kaum wanita.

Memanglah letupan gas pemedih mata perlu dibuat sepertimana terjadi dalam rusuhan di Alor Setar, juga di mana petani-petani membuat rusuhan dan pihak Polis mengambil tindakan meletupkan juga gas-gas pemedih mata. Ini satu perkara yang biasa, tetapi malangnya pihak Parti Pembangkang telah mengambil satu tindakan seolah-olah mereka menjadi juara kepada setinggan-setinggan, bukan sahaja di Kampung Bercham tetapi juga di seluruh negara. Nampak jelas sekali kepada kita bahawa Ketua Pembangkang sebagai seorang yang amat senior dalam Dewan ini dan seorang berkelulusan undang-undang telah rela untuk mendapat publisiti yang murah membawa satu bahan letupan yang amat merbahaya dalam Dewan yang mulia ini, tak hirau dan tak kira mungkin akan meletup di Dewan yang mulia ini akan mengakibatkan kecederaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Perkara ini adalah satu perkara yang kecil, perkara yang biasa, tak usahlah kita membangkit-bangkitkan, membesar-besarkan perkara ini. Kerajaan Negeri Perak telah menggunakan kebijaksanaan untuk menyelesaikan masalah ini. Hanya kita berharap jika pihak DAP berniat betul-betul untuk menolong pihak setingan, berushalah bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, seperti Ahli Yang Berhormat dari Ipoh untuk menyelesaikan masalah ini. Saya percaya Kerajaan Negeri Perak akan memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Saya dengan itu menjawab sekeras-kerasnya tuduhan yang dilemparkan oleh Ketua Pembangkang kepada tindakan Polis dan saya mohon menolak usul ini. (*Tepuk*).

**Tuan Lim Kit Siang:** (Bangun).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada 5 minit!

6.18 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kesal bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri sifatkan perkara yang berlaku di Kampung Bercham sebagai perkara yang kecil, perkara yang biasa. Ini bererti bahawa dalam pandangan Kerajaan bahawa apa yang berlaku di Kampung Bercham akan terus berlaku di mana-mana tempat. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan tidak rela menerima konsep bahawa masalah-masalah setingan bukan satu masalah jenayah tetapi satu masalah perumahan, satu masalah sosial satu masalah yang timbul daripada kegagalan Kerajaan Barisan Nasional untuk membina cukup rumah untuk mereka yang susah, mereka yang miskin.

Sekarang apa yang berlaku ialah Kerajaan Barisan Nasional menggunakan wang untuk membazir dalam BMF dalam orang-orang jutawan dan itulah akibat masalah jurang kelas timbul, tetapi sekarang mereka yang tertindas lagi ditindas oleh kerana mereka mahu jaga apa yang sedikit mereka ada sahaja. Saya rasa itu konsep, falsafah Kerajaan yang semua tidak beri kepentingan orang-orang miskin semua kaum. Kita tidak boleh menerima bahawa apa yang berlaku di Kampung Bercham ialah biasa, ialah kecil bahawa melepaskan 'tear gas canisters' dan semua pun out-of-date, mungkin gas racun, ialah perkara yang biasa.

Saya harap bahawa pihak Kerajaan boleh kaji perkara semacam ini, janganlah menggunakan polis untuk mengatasi masalah sosial. Saya tidak mahu sebut apa Yang Berhormat dari Bagan Datok ada timbul oleh kerana tak perlulah sebut.

Yang Berhormat dari Ipoh nampaknya, dengan izin, "shedding crocodile tears" (*Tepuk*). Pada mulanya beliau kata dia sangat bantah apa yang berlaku tetapi nampaknya beliau lagi mempertahankan apa yang berlaku. Sepatutnya apa yang dia ucap sebagai Ahli untuk kawasan itu mempertahankan apa yang berlaku. Mungkin sebab itu dia tak berani pergi Kampung Bercham, tak berani balik jumpa penduduk-penduduk bukan sahaja setingan-setingan, tak berani balik Kampung Bercham. Saya panggil dia besok pergi Kampung Bercham, menghadapi rakyat, apa yang beliau cakap adakah selaras dengan kepentingan di Kampung Bercham, orang di Bercham, orang di Ipoh.

Kenapa apabila Ipoh ada diduduki oleh pihak DAP tahun 1969 sampai 1982 tak berlaku perkara semacam ini. Apabila MCA kuasai Ipoh berlaku pihak polis lepaskan gas canisters.

Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Ipoh boleh menjelaskan, patut dia letak jawatan, tengok boleh kembali kepada Dewan ini atau tak boleh. Saya rasa sangat terperanjat bahawa sepatutnya Usul ini dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tetapi dia cakap crocodile tears dan mempertahankan apa yang berlaku. Siapa eksploitkan, siapakah eksploit polis untuk ambil tindakan ini. Adakah ini dibuat oleh MCA siapa provoke polis, MCA?

Saya sangat kesal bahawa dalam satu perkara semacam ini, satu perkara rakyat dan perkara rakyat bukan perkara kecil, perkara rakyat bukan perkara biasa, perkara rakyat ialah sebabnya kita dalam Dewan ini bukan untuk orang atasan, bukan untuk orang yang ada nama-nama besar, kita di sini untuk jaga kepentingan orang biasa, orang kecil, setingan-setingan.

Saya bukan menyuarakan atau champion semua orang atau setingan untuk melanggar undang-undang tetapi saya tadi ada sifat keadaan di mana kita tak boleh, khasnya Kerajaan memaksa orang miskin, orang tinas kepada satu keadaan di mana mereka tidak ada lain pilihan daripada cabar undang-undang. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri seorang Peguam pun tak faham itu, itulah oleh kerana falsafah politik yang silap dan saya ada sebut tadi ada orang kata bahawa saya patut diambil tindakan lucut kewarganegaraan saya. Itulah fikiran yang sempit, petty, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan apa yang berlaku sudah berlaku di Kampung Bercham. Saya harap sekurang-kurangnya bahawa tindakan diambil untuk menempatkan mereka yang dihalau sekarang tak ada rumah, pasti bahawa mereka ada rumah, mereka ada ditempatkan dan bahawa untuk masa depan janganlah berlaku Kampung Bercham lagi dan saya boleh memberi satu notis pemberitahu

kalau ada berlaku perkara Kampung Bercham, tak kira di mana-mana tempat, orang-orang Melayu, orang-orang India, orang-orang China kita di DAP akan mempertahankan hak-hak dan kepentingan mereka (*Tepuk*).

Kita bukan orang yang ada disebut untuk satu kaum sahaja, sebab itu saya ada pergi ke Sungai Nibong Kechil . . . . .

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tak bagi jalan oleh kerana . . . . .

**Dato' K. Pathmanaban:** Takut?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan, jangan. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tak takut Yang Berhormat, bila-bila keluar (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat dari Kota Melaka sudah cukup masa, bolehkah gulung, habiskan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya harap bahawa dengan itu janganlah tak kira apa kaum menentukan perkara masalah setingan semacam Kampung Bercham tak timbul baik pun di Sungai Nibong Kecil di mana kita ada pergi untuk melihat, menyuarakan hak-hak mereka supayalah ini dianggap sebagai social problem dan bukan criminal problem.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya hendak kemukakan masalah. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul di atas

nama Yang Berhormat dari Kota Melaka dipersetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya minta satu division, khasnya Ahli dari Ipoh apa pendirian dia. Saya minta satu division.

**Tuan Yang di-Pertua:** di bawah peraturan apa division, Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** 46 (4).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada permintaan supaya diadakan belah bahagian dan mengikut 46 (4):

“46 (4) Jika timbangan Tuan Pengerusi berkenaan dengan keputusan atas sesuatu masalah itu dilawan oleh sesiapa Ahli yang meminta diadakan belah bahagian, maka Pengerusi hendaklah meminta Ahli-ahli yang hendakkan belah bahagian itu bangun di tempat masing-masing. Jika kurang daripada limabelas Ahli yang bangun maka Pengerusi hendaklah memasyhurkan keputusan itu dengan sertamerta atau memerintahkan diadakan belah bahagian. Jika limabelas atau lebih daripada limabelas orang bangun kerana itu maka Pengerusi hendaklah memerintah diadakan belah bahagian dan setelah dikeluarkan apa-apa amaran sebagaimana yang mustahak pada timabangannya, maka hendaklah dilantik Penghitung undi.”

Saya minta Ahli-ahli yang meminta mengadakan belah bahagi bangun. Berapa orang? (*Disampuk*).

Saya minta jangan ada menyebut. . . . . (*Disampuk*) 9 orang yang meminta belah bahagi (*Tepuk*). Maka yang demikian saya tidak membenarkan belah bahagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan balik apa yang telah saya kemukakan tadi iaitu masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat dari Kota Melaka dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada Usul bahawa Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat akan dimulakan pada pukul 3.00 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*